

# INFOKUS

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU | [www.umt.edu.my](http://www.umt.edu.my)  
Bil. 45 ■ JUN 2013

*Lawatan NC ke*  
**Amerika Syarikat**

*Kampus UMT*  
**Bukit Kor**

*UMT terima*  
**dua TNC baharu**

*Meneroka lautan*  
**Menjana Khazanah**  
**Ilmuwan**

*UMT wakili*  
*Malaysia ke*  
**ASEAN Food**  
**Conference**

ISSN 1675 - 2139



9 771675 213002

ISSN 1675 - 2139



## Dari Minda Ketua Pengarang



*"Pepatah Melayu sering melagukan...  
Orang berbudi kita berbahasa, orang  
memberi kita merasa... Namun fenomena  
kini amat berbeza... orang berbudi sering  
dilupa walaupun dekat di mata... apa yang  
nyata hanyalah dosa-dosa yang kadangkala  
ditimbang tara tanpa pembela... Namun  
taburlah jasa walaupun tidak dikenang".*

(Noraien Mansor, Jun 2013)

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Syukur Alhamdulillah kerana kita masih diizinkan-Nya untuk bertemu dalam *INFOKUS* edisi JUN 2013. Tahun 2013 dilakari dengan detik paling bersejarah bagi negara kecintaan kita. Teraju negara dimeterai dengan kejayaan kepimpinan yang ikhlas bekerja untuk kesejahteraan rakyat dan kejayaan ini atas kehendak-Nya jua. Syukur Alhamdulillah. Syabas kita ucapkan kepada YAB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan barisan kepimpinan beliau yang bekerja keras untuk memastikan kejayaan digapai. Penerokaan beliau hingga ke akar umbi kehidupan rakyat jelata menghasilkan bibit cinta terhadap negara yang mendambakan keamanan dan kedamaian demi keutuhan sebuah kehidupan.

Syabas dan tahniah juga kita huluskan untuk YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang diberi mandat untuk menerajui Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi dan YB Dato Seri Idris Jusoh yang telah dilantik sebagai Menteri Pendidikan II yang baharu. Kami warga pendidik mengalu-alukan kehadiran kedua-dua pemimpin berkaliber ini ke dunia pendidikan yang amat mencabar demi untuk mendidik anak bangsa meniti kejayaan hidup dalam pelbagai bidang yang mereka terokai. Walaupun dunia pendidikan penuh dengan cabaran, namun taburlah jasa demi anak bangsa dan agama, demi perpaduan pelbagai kaum dan demi kedamaian negara yang tercinta.

**PROF. MADYA DR. NORAIEN MANSOR**

## SIDANG REDAKSI

### **Penaung**

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr.  
Ibrahim Komoo

### **Penasihat**

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid

### **Ketua Pengarang**

Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

### **Editor**

Rabil Sitta Abdul Rahman  
Mohd Izham Mohd A. Wahid  
Harisom Anida Musa

### **Pembaca Pruf**

Nur Aaminah Azhar

### **Pereka Grafik**

Mohd Fadli Abdullah  
Rozliana Mat Hussin

### **Jurufoto**

Mokhtar Ishak  
Krew PTM

### **Penyumbang Bahan**

Pejabat Pendaftar  
Pejabat Bendahari  
Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
Pusat Pembangunan Holistik Pelajar  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan

Fakulti Pembangunan Sosial  
Fakulti Perikanan dan Akua-Industri  
Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Institut Oseanografi dan Sekitaran  
Institut Bioteknologi Marin  
Pusat Pembangunan Sosio Ekonomi  
Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat  
Pusat Pembangunan Bakat Akademik  
Pusat Pembangunan Holistik Pelajar  
Pusat Perancangan dan Pembangunan  
Akademik  
Penerbit UMT  
Pusat Inovasi dan Pemindahan Ilmu  
Pusat Jaringan Penyelidikan ECER  
Pusat Kesihatan Pelajar



Hak Cipta Terpelihara © 2013. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

## Coretan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan salam sejahtera,

Proses demokrasi negara, baru sahaja selesai dan kini kita mempunyai kerajaan di peringkat negeri Terengganu dan Negara untuk tempuh lima tahun akan datang. Sebagai warga negara berilmu dan penjawat awam, kita perlu mencurahkan komitmen yang tinggi kepada kerajaan yang memerintah untuk meningkatkan kemajuan negara dan kesejahteraan bangsa. Kita lakukan semua ini sebagai sumbangan UMT untuk membangunkan modal insan Kelas Pertama seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020.

UMT perlu maju ke hadapan dengan lebih pantas berasaskan perancangan yang mantap dan strategik. Kita telah memulakan perbincangan untuk mendapatkan persetujuan warga bagi menyediakan Perancangan Strategik yang bakal menjadi penunjuk arah langkah kita. Pada peringkat ini kita telah sepakat memilih misi UMT iaitu “ke Arah Universiti Komprehensif Berfokus Terunggul di Malaysia dan dihormati di rantau Asia Pasifik”. Ini merupakan satu cabaran besar kepada pemimpin dan warga UMT untuk melaksanakannya. Bagaimanapun, ia juga merupakan peluang keemasan yang dapat membangkitkan iltizam untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Transformasi Akademik menuntut setiap warga mempunyai fikiran yang terbuka, berpandangan jauh dan memberikan perhatian kepada kepentingan institusi iaitu meningkatkan kualiti program akademik yang berwawasan, relevan dan berkebolehpasaran tinggi. Asas transformasi akademik adalah program pra-siswazah yang



mantap dan menjadi pilihan pertama pelajar cemerlang. Ini hanya dapat dicapai jika kita memilih Pemimpin Akademik yang berkepakaran tinggi dan beriltizam menjadikan program pimpinannya terbaik di rantau ini.

Pada masa yang sama, UMT juga telah memulakan transformasi Penyelidikan dan Inovasi, serta Transformasi Pelajar bagi memastikan kita berkembang ke arah mencapai visi dan misi yang dicita-citakan. Saya menjemput seluruh warga UMT bersama komuniti di sekitarnya merealisasikan wawasan murni ini.

**PROF. EMERITUS DATO' DR. IBRAHIM BIN KOMOO**

# Kampus UMT Bukit Kor

oleh: **Prof. Dr. Sayed Mohd Zain S. Hasan**  
Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) adalah salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara yang kini sedang berkembang pesat. Kampus UMT di Gong Badak dekat Kuala Terengganu ketika ini adalah terhad keluasannya dan telah padat dengan pertambahan bilangan infrastruktur, pelajar dan staf. Justeru itu, satu kawasan baharu diperlukan untuk menampung pertambahan tersebut sejajar dengan perkembangan universiti ini. Sehubungan itu, bermula Januari 2012, satu kawasan tanah seluas 600 ekar yang terletak di Bukit Kor, Marang, Terengganu telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada UMT untuk pembangunan kampus baharu universiti ini. Lokasi tapak kampus tersebut terletak kira-kira 20 km ke Selatan Bandar Kuala Terengganu, di jalan utama (T171) yang menghubungkan Kampung Rhu Rendang di Marang dan Kampung Bukit Payung di Kuala Terengganu. Ianya merupakan kawasan yang strategik berhampiran dengan kawasan perindustrian Bukit Kor yang kini terdapat Institut Perindustrian MARA, Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC) dan UCSI. Buat masa ini, jalan masuk ke tapak kampus ini merupakan jalan sementara yang bersambung dengan jalan utama melalui sebatang jalan di kawasan perindustrian Bukit Kor.

Pemilikan tapak baru Kampus UMT Bukit Kor ini bukan sahaja akan dapat mengatasi masalah kepadatan di kampus sedia ada sekarang, tetapi juga membolehkan UMT merancang untuk perkembangan dan penempatan



*Pokok nibong (palma) antara pokok yang terdapat dalam ekosistem semula jadi di Bukit Kor.*



*Tanah berorganik jenis gembur halus (fine loamy) yang subur untuk pertanian terdapat di kawasan lembah tanah Bukit Kor.*

bidang-bidang pengajian baharu di masa akan datang. Bermula 2012 UMT telah membuat rancangan penggunaan tanah di kampus Bukit Kor ini untuk tempoh jangka pendek

sebelum pelaksanaan projek jangka panjang yang akan dilaksanakan mengikut pelan induk Kampus Bukit Kor yang akan dibangunkan.





*Ternakan lembu di kawasan ragut Bukit Kor.*



*Tanaman cili dan petola dapat hidup dengan subur di lembah Bukit Kor.*



*Selain di kawasan tanah rata terdapat juga ladang sayuran di tanah cerun yang rendah.*

### **Alam Persekitaran dan Tanah Bukit Kor**

Ekosistem kampus Bukit Kor ketika ini sebahagian besar kawasannya diliputi oleh belukar dan hutan sekunder matang dalam mana terdapat berbagai spesies pokok balak, renek, palma dan buluh yang

menjadi habitat haiwan-haiwan liar dan unggas membiak. Bentuk muka buminya adalah berbukit sederhana tinggi dan di tengahnya terdapat kawasan lembah tanah rata yang terbuka melalui dimana mengalir sebatang anak sungai yang menuju ke Sungai Marang di sebelah timur.

Tanah di kawasan bukit adalah berbatu yang merupakan serpihan kecil berbagai saiz dan jenis. Kepelbagaian batu ini boleh dilihat pada himpunan batu di dasar sungai yang jatuh melalui air hujan daripada bukit sekelilingnya. Manakala tanah di kawasan lembah pula adalah tanah organik gembur





*Pertemuan muhibah di antara Naib Canselor UMT (tiga dari kanan) dengan pengusaha pertanian di tapak kampus UMT, Bukit Kor ketika program lawatan NC kampus itu pada 31 Mac 2013 yang lepas.*



*Naib Canselor UMT, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo mendengar penerangan daripada Pengarah Pusat Pembangunan dan Harta mengenai perancangan pembangunan UMT di Bukit Kor.*



*Naib Canselor UMT melihat sendiri hasil tanaman yang subur di Bukit Kor.*



*Upacara penanaman pokok sempadan oleh Naib Canselor UMT semasa lawatan beliau ke tapak kampus pada 31 Mac 2013.*



Kumpulan pelajar program SM Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai) sedang menjalani latihan amali pengeluaran tanaman makanan di tanah pertanian UMT Bukit Kor.

halus (*fine loamy*) dari jenis siri Marang yang mana ianya sangat subur untuk pertanian. Mendakan bahan organik yang terdapat di sini dipercayai berasal daripada reputan vegetasi yang dibawa turun oleh arus air hujan daripada hutan di bukit sekelilingnya. Manakala anak sungai yang terdapat di sini pula merupakan pembekal utama sumber air untuk pertanian di kawasan.

### Inisiatif Awal Guna Tanah Bukit Kor

Buat masa ini, tanah kampus Bukit Kor di kawasan lembah dan juga cerun rendah yang terbuka sedang diusahakan oleh sekumpulan 20 keluarga petani daripada kampung berhampiran untuk pengeluaran tanaman semusim dan juga ternakan lembu. Landskap di kawasan ini di penuhi dengan petak-petak tanaman serta lorong yang menghubungkan kawasan ini dengan jalan keluar. Aktiviti ini dibenarkan mengikut perjanjian sewaan tanah yang dibenarkan oleh UMT dan ianya merupakan aktiviti yang mendominasi guna tanah di Bukit Kor ketika ini.

Bermula awal tahun 2013 aktiviti pertanian tersebut telah di selaras dan di pantau oleh

Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) bagi pihak UMT berdasarkan perjanjian sewaan tanah yang dimenterai antara UMT dan petani berkenaan. Perjanjian ini adalah lebih bersifat tanggungjawab universiti kepada masyarakat setempat. Sehubungan itu, pada 31 Mac 2013 lepas satu program lawatan oleh Naib Canselor dan Pegawai-pegawai Utama dan Kanan UMT ke kampus Bukit Kor telah dibuat untuk berjumpa dan beramah mesra dengan pengusaha-pengusaha pertanian dan penduduk sekitar. Sempena lawatan ini juga satu upacara menanam pokok di sempadan tanah dan tinjauan ke seluruh kawasan kampus oleh Naib Canselor dan Pegawai Utama dan Kanan UMT telah diadakan. Pokok yang ditanam di sempadan adalah dua spesies balak berkomersial tinggi iaitu cengal (*Neobalanocarpus heimii*) dan nyatoh (*Palaquium rostratum*) yang mempunyai jangka hayat panjang dan diharapkan bukan sahaja berperanan sebagai petunjuk sempadan tetapi juga sebagai kenangan sejarah dalam pembangunan kampus UMT Bukit Kor untuk renungan generasi akan datang.

Buat permulaannya beberapa infrastruktur sementara termasuk jalan, asrama pelajar, rumah staf,

pejabat luar dan sebagainya akan dibangunkan di kawasan pertanian sekarang sebagai pusat permulaan bagi melaksanakan aktiviti berkaitan pengajaran, penyelidikan, kokurikulum, riadah dan sebagainya oleh warga pelajar dan staf UMT. Setakat ini, sebuah pondok rehat berserta bilik air sementara dan kawasan parkir kenderaan telah disediakan untuk para pengunjung ke tanah Bukit Kor. Guna tanah di Bukit Kor ini telah bermula pada semester II sesi 2012/13 lepas apabila kumpulan pelajar program SM Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai) telah melakukan latihan amali kursus 'Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan' di kawasan ini yang sebelum ini dilakukan di tapak pinjaman Jabatan Pertanian Rhu Tapai, Merang.

Ekosistem dengan kepelbagaian biotik dan abiotik yang wujud secara semula jadi di hutan Bukit Kor ini adalah sangat sesuai untuk dijadikan lokasi pengajaran dan penyelidikan ekologi, taksonomi, geologi dan lain-lain yang berkaitan dengan kepelbagaian biologi. Keadaan hutan dan muka bumi yang agak mencabar membuatkan Bukit Kor ini juga sesuai untuk lokasi aktiviti kokurikulum dan sukan lasak warga UMT. Manakala di kawasan pinggir sungai pula sesuai dijadikan lokasi beriadah dan hari keluarga. Untuk itu satu tapak perkhemahan, pondok dan wakaf persinggahan juga akan dibangunkan dalam masa terdekat di tanah Bukit Kor ini. Dengan adanya kemudahan ini, maka aktiviti luar untuk pengajaran, penyelidikan, kokurikulum dan lain-lain dapat dilaksanakan dengan berkesan di sini.


Dengan persekitaran yang unik dan berada di lokasi yang strategik, tapak baru tanah di Bukit Kor ini adalah sangat sesuai untuk menjadi kampus UMT yang serba lengkap di satu masa nanti sebagai sebuah pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung yang memberi manfaat bukan sahaja kepada warga kampus tetapi juga kepada masyarakat sekitar dan negara seluruhnya.



# Mengenali YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Penerbit UMT



**A**nak jati negeri Terengganu yang lahir pada tanggal 24 April 1956, sentiasa tersenyum dan mahir berbahasa Jepun melalui penerokaan bidang pengajian tinggi di peringkat Sarjana dan Ph.D di Universiti Nagasaki, Jepun, kini diberi kepercayaan untuk menerajui Universiti Malaysia Terengganu sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan yang berpengalaman dalam bidang pentadbiran selama 12 tahun sebagai Penyelaras, Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah dan Pengarah tidak kekok untuk meneroka tugas dan tanggungjawab yang baharu demi untuk kesejahteraan pelajar UMT.


YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan merupakan pakar dalam bidang Akuakultur telah memenangi pelbagai anugerah pingat emas, perak, gangsa dan anugerah malim sarjana di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Beliau juga telah beberapa kali menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang semasa berkhidmat di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu.

Dalam bidang penerbitan, YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan telah menerbitkan melebihi 150

penerbitan dalam jurnal, prosiding, monograf, bab dalam buku dan juga buku. Dalam kesibukan sebagai pentadbir, pengajar dan penyelia, beliau mampu untuk menghasilkan pelajar berkelulusan sarjana dan Ph.D seramai 15 orang dan puluhan pelajar sarjana muda.

YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan mengakui bahawa beliau mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat dan tanggungjawab utama beliau adalah untuk memastikan objektif HEPA, UMT tercapai. Menurut beliau lagi, pelajar adalah merupakan pelanggan utama universiti. Adalah menjadi tanggungjawab universiti untuk memberi perhatian yang tinggi kepada pelajar di sepanjang masa pembelajaran mereka di universiti bagi melahirkan graduan yang hebat dan terbilang dalam semua bidang dan laku kerja yang menyumbang





“Jadilah graduan UMT yang hebat dan terbilang yang seimbang dari segi kecerdasan intelektual, emosi dan spiritual serta berdaya saing dalam segala bidang dan kerjaya di dalam dan luar Negara”

ke arah pembangunan negara. “Perancangan yang akan saya lakukan termasuklah melahirkan graduan UMT yang seimbang dari segi kecerdasan intelektual, emosi dan spiritual serta berdaya saing dalam pasaran kerjaya di dalam dan luar negara. Saya juga akan berusaha untuk UMT menghasilkan modal insan negara minda kelas pertama”.

Menurut beliau lagi, “Penghasilan graduan yang mempunyai minda kelas pertama ini perlu dibuat secara holistik melalui penekanan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, intelektual, keusahawanan, sikap progresif serta mengamalkan nilai, etikal dan modal yang tinggi seperti yang ditegaskan dalam Pelan Integrasi Nasional. Saya akan menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh kerana UMT memberi lebih penekanan kepada kelautan maka kita akan memberi lebih penekanan kepada aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan

aktiviti akuatik seperti *survival* laut, berkanu, *scuba diving*, berenang dan lain-lain di samping kokurikulum biasa yang lain. Ini adalah merupakan nilai tambah yang TIDAK ditawarkan oleh universiti lain”.

Apabila ditanya berkaitan harapan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor HEPA yang baharu, beliau amat berharap agar pelajar dapat mengambil peluang belajar dengan bersungguh-sungguh di UMT untuk mendapat CGPA yang tinggi bagi membolehkan mereka menjadi graduan hebat dari segi akademik. Di samping itu, pelajar juga perlu mengambil peluang untuk menerapkan dalam diri mereka dengan kemahiran insaniah seperti kemahiran berbahasa Inggeris, kemahiran berkomunikasi, kemahiran membuat keputusan, kerja secara berpasukan, keusahawanan dan lain-lain bagi membolehkan mereka mempunyai keyakinan diri yang tinggi serta menjadi graduan yang hebat dan laku kerja. Pelajar juga perlu mempunyai amalan yang beretika, bertanggungjawab, berdisiplin dan bersahsiah mulia. “Jadilah

graduan UMT yang hebat dan terbilang yang seimbang dari segi kecerdasan intelektual, emosi dan spiritual serta berdaya saing dalam segala bidang dan kerjaya didalam dan luar Negara”, jelas beliau dengan penuh harapan. Malah beliau menyatakan dengan jelas bahawa beliau akan menggalakkan pelajar UMT terlibat secara aktif dalam aktiviti kesukarelawan lebih-lebih lagi melibatkan masyarakat setempat. Aktiviti kesukarelawan boleh menjadi satu platform bagi membangunkan kemahiran insaniah pelajar dan nilai-nilai positif seperti kepimpinan, kesukarelawan dan kewarganegaraan di samping kemampuan mengemukakan idea-idea kreatif yang boleh memberi impak tinggi.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan di atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Terengganu. Semoga hal ehwal pelajar di UMT terus cemerlang di persada nasional dan global.

*Sejenak bersama*

## **YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid**

**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**

oleh: **Prof. Madya Dr. Noraien Mansor** | Penerbit UMT



Universiti Malaysia Terengganu telah mencatat sejarah apabila Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah bersetuju untuk melantik YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang pertama. Sebelum ini, YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid memegang jawatan sebagai Penolong Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMT. Cemerlang dalam bidang penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa serta gemilang dalam perkhidmatan melakari kehidupan YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid. Beliau yang dilahirkan pada tanggal 26 Oktober 1966 mendapat pendidikan awal di Muar, Johor sebelum meneruskan pengajian di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD di Universiti Putra Malaysia. Beliau telah menerima 11 anugerah pingat (emas, perak dan gangsa) di peringkat antarabangsa dan 20 anugerah pingat (emas, perak dan gangsa) di peringkat kebangsaan dalam produk-produk yang dipertandingkan. Beliau sangat aktif menceburi bidang penyelidikan dan penerbitan di mana hasil daripada hampir RM5 juta dana yang telah beliau perolehi, hampir 200 penerbitan yang dapat dihasilkan dalam bentuk buku, artikel jurnal, prosiding dan produk untuk dipertandingkan dan dikomersialkan.



YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid amat berterima kasih kepada Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo yang telah memberi kepercayaan yang tinggi kepada beliau untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi di UMT. "YBhg. Dato' Naib Canselor telah meyakinkan saya bahawa konsep kepemimpinan beliau adalah bekerja sebagai satu pasukan bersama-sama dan saya percaya bahawa kata-kata beliau itu menjadi pendorong untuk saya menerima tugas dan tanggungjawab yang amat berat ini".

Menurut YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy, peningkatan kegiatan penyelidikan, penerbitan dan inovasi di UMT amat menggalakkan terutama peningkatan dari segi penerimaan geran penyelidikan yang diterima daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan beberapa dana lain. Dari segi penerbitan pula, peningkatan kertas-kertas penyelidikan yang diterbitkan di jurnal-jurnal berfaktor impak perlu diteruskan dan dikekalkan momentumnya oleh para pensyarah khususnya pensyarah yang baharu menamatkan pengajian dengan membina reputasi mereka sendiri sebagai penyelidik yang tidak lagi bergantung kepada kumpulan penyelidikan yang diketuai oleh penyelia mereka di luar negara. Walau bagaimanapun, dari segi inovasi produk-produk berasaskan penyelidikan, masih terdapat ruang yang luas di mana UMT boleh meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka ke peringkat yang lebih baik lagi.

Beliau amat berharap agar setiap pensyarah memantapkan pengajaran dan pembelajaran pelajar, melaksanakan aktiviti penyelidikan yang berkualiti, melibatkan diri di dalam proses pemindahan ilmu dan inovasi, dan mula terlibat di dalam aktiviti perundingan dan pengembangan setelah kerja-kerja penyelidikan mereka diiktiraf oleh rakan sepakaran dan industri, di dalam



dan di luar negara. "Saya juga percaya dengan mengamalkan etika penyelidikan yang baik sahajalah para pensyarah akan dapat menghasilkan penyelidikan yang berkualiti".

Seterusnya YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy yakin bahawa perancangan beliau dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan inovasi adalah selari dengan perancangan yang telah dinyatakan oleh YBhg Prof. Emeritus Dato' Naib Canselor untuk membawa UMT bergerak ke hadapan. Beliau menegaskan, "di peringkat Penyelidikan dan Inovasi, saya merancang untuk menyusun dan meningkatkan kapasiti sistem sokongan penyelidikan UMT secara menyeluruh, berdasarkan hasrat menjadikan UMT sebagai sebuah universiti komprehensif dan berfokus. Untuk mencapai hasrat tersebut, para pensyarah dan penyelidik akan digalakkan untuk menumpukan kepada penyelidikan fundamental yang amat penting di dalam penjana ilmu baharu, di samping mendapatkan geran-geran penyelidikan selain daripada yang disediakan oleh pihak kementerian. Ini akan dapat membantu mereka menempatkan penemuan-penemuan kajian mereka di dalam jurnal-jurnal berfaktor impak. Para penyelidik juga akan digalakkan membida geran-geran penyelidikan di peringkat antarabangsa, meningkatkan kualiti kerja-kerja penyelidikan mereka, membentuk

polisi dan etika penyelidikan yang baik, meningkatkan bilangan proses pemindahan ilmu kepada komuniti luar kampus termasuk pihak industri kecil dan sederhana, memantapkan prosedur kerja-kerja perundingan, meningkatkan kadar pengkomersilan produk-produk penyelidikan penyelidik serta menyelaras dan membantu perkembangan SIG atau RIG supaya berada di landasan yang betul dan yang penting membantu Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) agar dapat mengekalkan momentum dan memenuhi objektif penubuhannya sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Bertaraf Tinggi (HiCOE)".

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy amat berharap agar kerjasama dan sokongan yang berterusan daripada warga kerja UMT dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk memajukan lagi bidang penyelidikan dan inovasi di UMT dapat diteruskan ke tahap yang membanggakan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid di atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Terengganu. Semoga teras penyelidikan, inovasi dan penerbitan di UMT terus cemerlang di persada nasional dan global.

# Lawatan Naib Canselor ke Amerika Syarikat



oleh: **Prof. Madya Dr. Saifullah Arifin Jaaman** | Institut Oseanografi dan Sekitaran  
**Munira Iskandar** | Pejabat Naib Canselor

Pada 9 hingga 16 April yang lalu, YBhg Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo telah menghadiri lawatan rasmi ke Southwest Fisheries Science Center, Hubbs-SeaWorld Research Institute dan Pantai La Jolla, California di Amerika Syarikat. Lawatan itu turut dihadiri oleh Ketua Program Spesies Marin Terancam, Institut Oseanografi dan Sekitaran UMT, Prof. Madya Dr. Saifullah Arifin Jaaman dan pensyarah UKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman.

## Southwest Fisheries Science Center

Southwest Fisheries Science Center (SWFSC) merupakan pusat di mana saintis menjalankan penyelidikan biologi, ekonomi marin dan oseanografi, serta memerhati dan memantau sumber hidupan marin dan persekitarannya. Matlamat utama penyelidikan SWFSC adalah

untuk memastikan populasi ikan, mamalia marin, penyu, burung laut dan invertebrata kekal pada tahap yang mapan dan sihat, termasuk meneruskan fungsi ekosistem serta mengekalkan kualiti kehidupan awam. Tugas SWFSC adalah menetapkan stok perikanan yang sihat, memulihara populasi spesies terlindung, mengekalkan khidmat ekosistem, dan menyelaraskan dengan organisasi domestik serta antarabangsa untuk melaksanakan dan memantau perjanjian perikanan.

Delegasi telah diiringi ke SWFSC oleh Saintis Kanan SWFSC, Prof. Dr. William F. Perrin dan mereka telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan 11 orang saintis serta penyelidik SWFSC dan Scripps Institution of Oceanography (SIO), University of California, San Diego. Delegasi juga turut dibawa melawat pelbagai kemudahan iaitu makmal penyelidikan mamalia marin di

SWFSC seperti makmal bedah, bilik sejuk beku, *ocean technology test tank*, makmal persediaan dan kemudahan pengangkutan untuk memindahkan haiwan.

## Hubbs-SeaWorld Research Institute

Hubbs-SeaWorld Research Institute (HSWRI) pula merupakan institusi awam tanpa keuntungan yang mengaplikasikan teknologi terkini untuk mencari penyelesaian bagi melindungi dan memulihara haiwan marin, pada masa yang sama memberi keuntungan kepada manusia dan kebergantungan mereka kepada sumber marin.

Ketika di HSWRI pula, delegasi turut mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan tiga orang saintis dan penyelidik serta dibawa melawat kemudahan-kemudahan penyelidikan, penjagaan





*Pertemuan delegasi dengan pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat.*

dan rawatan mamalia marin di SeaWorld San Diego. Delegasi dibawa melawat ke hospital, tangki dan kurungan HSWRI, makmal persediaan makanan, makmal bedah, bilik sejuk beku, makmal darah dan penyakit, tangki-tangki pengasingan dan rawatan serta kemudahan pengangkutan untuk memindahkan haiwan.

Lawatan ke SeaWorld San Diego turut diadakan untuk melihat bagaimana penjagaan dan pertunjukan mamalia marin (seperti paus pembunuh, ikan lumba-lumba dan anjing laut) adalah penting dalam usaha pemuliharaan dan meningkatkan kesedaran awam terhadap haiwan tersebut dan persekitarannya. Hubbs-SeaWorld Research Institute menjalankan aktiviti penyelidikan, penjagaan dan rawatan haiwan marin dalam kurungan melalui SeaWorld San Diego, yang merupakan taman tema yang mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam menyediakan kepakaran dan kemudahan penjagaan dan rawatan antara yang terbaik di dunia. Setelah itu, rombongan delegasi dibawa ke Pantai La Jolla untuk melihat kumpulan anjing laut liar.

### **Profesor Pelawat**

Dengan lawatan ini jaringan kerjasama antara pihak pengurusan



*Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo (kiri) bersama Saintis Kanan SWFSC, Prof. Dr. William F. Perrin (tengah) dan Prof. Madya Dr. Saifullah Arifin Jaaman semasa melawat NOAA Fisheries dan Scripps Institution of Oceanography, San Diego.*

universiti tempatan dengan universiti luar negara dapat diperlebarkan. Prof. Dato' Dr. Ibrahim telah menjemput Prof. Perrin untuk datang ke UMT pada tahun 2014 sebagai Profesor Pelawat. YBhg. Dato' juga telah mempelawa saintis-saintis SWFSC, SIO dan HSWRI untuk datang menjalankan penyelidikan di Malaysia dan UMT bersedia menjadi rakan kongsi serta menyediakan kemudahan penyelidikan yang diperlukan. Selain itu beliau juga menyatakan kesediaan untuk

menerima permohonan calon berkelulusan PhD dari SWFSC, SIO dan HSWRI untuk datang menjadi penyelidik *postdoctoral* mamalia marin di UMT.

SWFSC dan HSWRI juga bersedia menerima staf dan pelajar UMT untuk datang menjalani latihan dan sangkutan dalam bidang-bidang berkaitan penyelidikan mamalia marin (*stranding*, perubatan *veterinary*, *bio-acoustics*, ekologi populasi dan lain-lain) yang diperlukan.

# Meneroka Lautan

## Menjana Khazanah Ilmuwan

oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Penerbit UMT  
Rabil Sitta Abdul Rahman

Penerbit UMT tegar melaksanakan usaha untuk memartabatkan bidang penerbitan di Universiti Malaysia Terengganu. Berbekalkan slogan “Menjana Khazanah Ilmuwan”, Pengarah Penerbit UMT Prof. Madya Dr. Noraien Mansor membawa peserta yang terdiri daripada ahli akademik dan pelajar pascasiswazah UMT meneroka lautan luas ke Pulau Redang di negeri Terengganu menyertai Bengkel Pemandahan Tesis ke Buku pada 19-21 April, 2013. Usaha murni Penerbit UMT mendapat sokongan padu daripada Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo yang hadir di Majlis Perasmian dan Penutup bengkel tersebut. Dalam ucapan perasmian, beliau berpesan kepada ahli akademik agar sentiasa menggilap keupayaan diri terutama dalam kemahiran menulis dan menggariskan beberapa panduan berguna kepada ahli akademik agar lebih jelas mengenai peranan sebenar mereka dalam masyarakat. Beliau menegaskan bahawa ahli akademik perlu memperkukuhkan peranan mereka sebagai ahli

akademik iaitu meneroka ilmu, menyebarkan ilmu serta membina kewibawaan diri. “Satu-satunya yang paling bermakna dan sangat bernilai bagi kita ahli akademik ialah semasa kita membuat PhD, kita menghasilkan tesis daripada hasil penyelidikan yang paling komprehensif dalam hidup kita”. Sambung beliau lagi, “Jika tesis tersebut berjaya dijadikan buku, ia bakal menjadi satu sumbangan besar dalam kerja-kerja penerokaan ilmu”. Menurut beliau, penerokaan ilmu bagi seseorang ahli akademik tidak pernah akan selesai sampai ke liang lahat. Penerokaan ilmu bagi ahli akademik ialah sepanjang masa dan sepanjang hayat.

Ahli akademik juga perlu berperanan dalam menyebarkan ilmu. Ilmu perlu disebar kepada rakan sekepakaran. Beliau menjelaskan bahawa, ahli akademik mendapat ilmu baharu, ilmu yang berada diufuk ilmu dan menyebarkan kepada rakan sekepakaran atau rakan sebidang dengan mereka. Kata beliau, “Siapa yang berminat dengan ilmu kita? Mereka ialah ahli-ahli yang sepakar



*Kita tidak akan menjadi hebat jika kita hanya menulis sekali, kita perlu menulis secara berterusan- kata YBhg. Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo dalam ucapannya.*

dengan ahli akademik tersebut. Seorang ahli akademik juga “wajib” berkongsi ilmu dengan pelajar mereka. Tidak semesti ufuk ilmu, tetapi *the seed of the art*. Ilmu terbaharu dalam bidang seorang ahli akademik itu, perlu dan penting untuk pelajar mereka. Ahli akademik memberikan *the seed of the art* itu, dan menghimpunkan keilmuan yang mereka ada. Setiap ahli akademik perlu memasukkan dapatan-dapatan baharu dan menampilkan keilmuan mereka kepada pelajar. Pensyarah/ ahli akademik bukan seorang guru tetapi seorang penyebar ilmu yang mempunyai ilmu yang tersendiri. “*Every single*





*Penceramah jemputan, Prof. Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak mengulas tesis yang dibentang oleh peserta bengkel.*

academician, mempunyai kekuatan ilmu tinggi yang mereka miliki”, jelas Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo lagi.

Selanjutnya, beliau mengutarakan bahawa “Setiap ahli akademik mempunyai tanggungjawab sosial kepada masyarakat awam dan amat perlu membina kewibawaan dan kredibiliti diri yang akan dinilai oleh pelajar dan juga masyarakat”.

#### **Kemahiran asas**

Setiap ahli akademik juga perlu membina kemahiran asas dalam diri mereka. Kemahiran asas ini perlu digilap sepanjang masa. Kemahiran asas yang beliau maksudkan ialah keupayaan untuk menyelidik dan menyampaikan ilmu. Setiap ahli akademik berpeluang meneroka ilmu melalui proses penyelidikan. Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo menjelaskan, “Universiti menghantar ahli akademik untuk membuat PhD sebagai amalan atau latihan untuk mereka menjalankan penyelidikan sehingga mereka cukup mahir dalam bidang kepakaran masing-masing. Mereka juga akan didedahkan dengan beberapa teknologi-teknologi baharu dalam penyelidikan”, kata beliau lagi.

Setiap ahli akademik juga perlu menyampaikan ilmu melalui dua cara iaitu melalui syarahan dan juga penulisan. “Tidak ada isu seorang ahli akademik memberikan alasan saya hanya boleh memberikan syarahan tetapi tidak boleh menulis. Setiap ahli akademik perlu ada kedua-dua kemahiran ini!”, tegas Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo dalam ucapannya.



*Para peserta bengkel bergambar dengan Naib Canselor UMT, YBhg Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo (duduk paling tengah), Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dr. Anuar Hasan (duduk nombor tiga dari kiri), Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili (duduk nombor tiga dari kanan) dan Pengarah Penerbit UMT merangkap Pengerusi JK Penganjur Majlis, Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor (duduk nombor empat dari kanan).*



*Naib Canselor UMT, Timbalan-timbalan Naib Canselor UMT, Pegawai-pegawai Kanan serta para peserta diraikan dalam majlis santai.*



*Pada Malam Santai bersama Naib Canselor, Penerbit UMT turut membuat kejutan dengan upacara pemotongan kek sempena genap setahun beliau dilantik sebagai Naib Canselor UMT.*

Beliau mengingatkan kepada semua ahli akademik untuk melatih kemahiran menulis secara berterusan. Beliau turut menasihatkan kepada semua ahli akademik untuk memperuntukkan waktu setiap hari untuk menulis. Beliau yang menjadi kolumnis tetap dalam akhbar *Berita Harian* menegaskan bahawa setiap ahli akademik perlu tahu kepada siapa mereka menulis. Sebuah penulisan akan menjadi bercelaru jika penulisnya tidak tahu kepada siapa mereka menulis. Setiap ahli akademik perlu mahir dalam menulis makalah jurnal, kertas prosiding dan juga buku.

“Kita tidak akan menjadi hebat jika kita hanya menulis sekali, kita perlu menulis secara berterusan”, tegas beliau dalam membakar semangat kepada ahli akademik muda dan pelajar pascasiswazah yang hadir di majlis tersebut.

### Tingkat imej diri melalui penulisan

Beliau turut berkongsi petua untuk meningkatkan imej diri dengan semua ahli akademik dan pelajar pasca siswazah. Salah satu cara penting bagi seseorang ahli akademik untuk meningkatkan imej diri dan juga universiti ialah melalui hasil penulisan yang berkualiti. Jelas beliau, ahli akademik bidang sains sosial menjadi kemestian kepada mereka untuk menulis. “Ahli akademik bidang sains sosial, kadang kala mengkaji fenomena baharu dalam masyarakat dan akan dibaca oleh ramai orang”, jelas Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo.

Manakala para saintis pula, beliau menggalakkan mereka menyebarkan ilmu melalui penulisan monograf. Mereka boleh menulis hasil penyelidikan melalui monograf. Menulis monograf adalah kaedah yang paling baik untuk para saintis mengumpulkan beberapa jenis hasil penyelidikan yang perlu mereka tulis.

Beliau juga berpuas hati apabila dinyatakan lebih 50% tesis para peserta bengkel tersebut berpotensi untuk dipindahkan terus dalam bentuk buku. Beliau dalam ucapannya turut menasihatkan para



*YBhg. Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo dan jemputan Pegawai-pegawai Kanan UMT sempat membuat tinjauan di Pusat Santuari Penyu Chagar Hutang, Pulau Redang.*

peserta lain supaya menambah fakta atau bahan dan mengubahsuai tesis mereka supaya sesuai dipindahkan dalam bentuk buku. Beliau juga menasihatkan para peserta supaya mematuhi etika penulisan dalam menghasilkan sesuatu penulisan. “Peruntukkan masa selama dua jam sehari untuk memindahkan tesis kepada buku”, nasihat Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo kepada semua peserta bengkel.

Beliau turut mengakui bukan perkara mudah untuk menghasilkan sebuah buku, banyak usaha keras yang perlu dilaksanakan oleh seseorang ahli akademik. Namun begitu, menurut beliau, “Satu kenikmatan yang sangat tinggi bagi ahli akademik jika berjaya menghasilkan sebuah buku. Nikmat yang paling besar ialah apabila kita berjaya terbitkan sebuah buku dan menyebarkan buku tersebut kepada mereka yang memerlukan”.

### Martabat Bahasa Melayu


Naib Canselor UMT dalam ucapannya kepada peserta bengkel juga turut menyeru supaya para ahli akademik menghasilkan bahan penerbitan ilmiah dalam bahasa Melayu. Beliau menasihatkan ahli akademik supaya menunaikan tanggungjawab kepada bangsa dengan menghasilkan penulisan dalam bahasa Melayu. “Bahasa

Melayu pernah menjadi bahasa lingua franca 1400 tahun dahulu, kita tidak mahu melihat bahasa Melayu terus terkubur”. Beliau sendiri memastikan 50% penulisan ilmiah yang dihasilkannya ditulis dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga adalah bahasa ilmu. Peranan ini adalah selaras dengan UMT yang dilantik sebagai Sekretariat Pusat Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara.

Bengkel Pemindahan Tesis ke Buku 2013 yang dianjurkan oleh Penerbit UMT bermatlamat untuk menghidupkan budaya penulisan ilmiah dalam kalangan warga UMT khususnya kepada ahli akademik. Bengkel yang telah dianjurkan buat kali ke tujuh sejak tahun 2006 ini bakal menjadi pemangkin dalam usaha universiti untuk menarik minat warga UMT khususnya kalangan akademik untuk menghasilkan penerbitan ilmiah. Para peserta bengkel ini telah dibimbing oleh Profesor Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Prof. Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, Prof. Dr. Anuar Hasan serta Pegawai-pegawai Kanan UMT.





# Lawatan Naib Canselor ke Apple Amerika Syarikat

oleh: **Munira Iskandar** | Pejabat Naib Canselor

Pada 8 hingga 9 April yang lalu, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo telah dijemput oleh pihak Apple Malaysia-Amerika Syarikat mewakili Kementerian Pengajian Tinggi untuk menghadiri satu sesi *Executive Briefing* di Ibu Pejabat Apple di Cupertino, Amerika Syarikat.

Lawatan itu turut dihadiri oleh beberapa orang wakil Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain iaitu Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), YBhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Hj Che Rose, pensyarah UKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman dan Penasihat Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Madya Abdul Razak Ahmad.

Antara tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi

peluang kepada IPT untuk menambahbaik kaedah pembelajaran dan pengajaran melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini dan memahami bagaimana syarikat teknologi multinasional seperti Apple akan mempengaruhi sistem pembelajaran di universiti pada masa akan datang.

Lawatan ini juga membuka ruang untuk mewujudkan kerjasama antara IPT dengan syarikat Apple dalam program penempatan pelajar-pelajar yang cemerlang dan kurang berkemampuan di bawah *Apple IOS Curriculum Training* selain memberi peluang kepada graduan-graduan di Malaysia untuk menjalani latihan industri di Apple.

Pada 10 April hari berikutnya, pihak Apple turut membawa delegasi untuk melawat ke University of California,

Irvine, Amerika Syarikat untuk menunjukkan demonstrasi bagaimana teknologi Apple yang telah digunapakai di dalam kelas dan dewan kuliah dapat menyediakan hasil pembelajaran yang lebih baik.

Ahli rombongan turut mengadakan lawatan ke University of Southern California, Los Angeles pada 4 April. Pada 5 April pula, delegasi telah mengadakan perjumpaan bersama pelajar-pelajar di Malaysian Student Department, Los Angeles.

Hasil daripada lawatan ini, tindakan susulan daripada UMT ialah jaringan kerjasama untuk menghasilkan dua buah buku untuk iBooks berjudul *Tropical Environmental Science* dan *Marine Science in Malaysia*.

# Pelajar UMT wakili Malaysia ke Asean Food Conference

oleh: **Dr. Norizah Mhd Sarbon** | Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM)

**S**eminar Sains dan Teknologi Makanan anjuran Malaysia Institute Food Technology (MIFT) merupakan program yang diadakan pada setiap dua tahun sekali secara bergilir-gilir oleh semua IPTA dan IPTS yang menawarkan kursus Sains dan Teknologi Makanan di Malaysia. Seminar ini terbuka kepada semua pelajar sains dan teknologi makanan di seluruh negara.

Seminar ini diadakan bertujuan untuk menyemai budaya penyelidikan khususnya di kalangan pelajar pasca-siswazah

dalam bidang sains dan teknologi makanan di institusi pengajian tinggi, memudahkan interaksi di kalangan pelajar ijazah pertama dalam bidang sains dan teknologi makanan dalam pertandingan yang mesra, menggalakkan sifat kreatif dan inovatif serta menggalakkan kerja berkumpulan dan meningkatkan kebolehpayaan dalam membuat keputusan di kalangan pelajar.

MIFT merupakan satu-satunya organisasi bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan platform kepada para akademik, pihak

industri dan pihak kerajaan di Malaysia untuk berbincang dan berkongsi pendapat berkaitan isu-isu mengenai makanan dan industri makanan. Kerajaan Malaysia telah pun mengiktiraf MIFT sebagai satu badan profesional dalam usaha melahirkan ahli sains makanan dan teknologi yang terlatih. Keahlian majoriti MIFT terdiri daripada ahli-ahli profesional seperti pengurus syarikat, ahli-ahli sains dan teknologi dalam industri makanan, para penyelidik dari institusi-institusi kerajaan dan swasta, pensyarah-pensyarah universiti dan kolej.



*Pelajar sedang mempamerkan produk baru UMT iaitu, 'Rice KaleidoScoop' bersama Dr. Zamzahaila Mohd Zain dan Puan Khairil Shazimin Kamarudin (mentor).*





*Pelajar-pelajar UMT yang terpilih untuk 'Food Bowl Quiz'.*

Kebanyakan mereka adalah terlatih dalam bidang sains dan teknologi makanan atau dalam disiplin yang berkaitan seperti kimia, biokimia, keselamatan makanan dan juga mempunyai pengalaman yang relevan dalam industri makanan.

Seminar Sains dan Teknologi Makanan buat kali ke-8 telah diadakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) selama dua hari iaitu pada 15 - 16 Mac 2013. Seminar ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mengambil bahagian dalam beberapa pertandingan dan juga membentangkan hasil kajian penyelidikan kepada rakan-rakan sealiran dari universiti-universiti lain. Seramai 31 orang pelajar dari Jabatan Sains Makanan, UMT telah menyertai lima kategori yang dipertandingkan iaitu pembentangan lisan, pembentangan poster, penghasilan inovatif produk makanan, *oratory* dan juga kuiz (*Food Bowl Quiz*). Sebanyak 10 buah institusi telah menyertai seminar ini iaitu UMT, UniSZA, UKM, Taylor's University, USM, UPM, USIM, UMS dan UiTM.

UMT telah menghantar dua penyertaan dalam pertandingan pembentangan lisan, lima penyertaan bagi pembentangan



*Tengku Nur Dayana Tengku Zakaria bersama pingat yang dimenangkinya.*

poster, dua kumpulan bagi penghasilan inovatif produk makanan, dua kumpulan bagi *oratory* dan dua kumpulan bagi kuiz. Persaingan yang begitu sengit bagi setiap kategori yang dipertandingkan menunjukkan usaha dan semangat serta penumpuan yang tidak berbelah bagi telah diberikan oleh semua peserta dari setiap institusi pengajian. UMT berjaya meraih tempat pertama dalam kategori pembentangan lisan oleh Tengku

Nur Dayana Tengku Zakaria, pelajar siswazah di Jabatan Sains Makanan dengan penyelidikan beliau yang bertajuk '*Novel plant mucilage from "Ginseng Jawa": Potential as an alternative to commercial gums for beverage emulsion production*'. Kemenangan Tengku Nur Dayana ini telah melayakkan beliau mewakili Malaysia untuk ke pertandingan di peringkat ASEAN iaitu di 'ASEAN FOOD CONFERENCE 2013' yang akan berlangsung di Singapura pada 9-11 September 2013.

# Pertanian Pesisiran Pantai Mampu Tingkatkan Taraf Sosioekonomi Penduduk

oleh : **Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri Abd Razak** | **Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM)**  
**Prof. Dr. Sayed Mohamed Zain S. Hasan**

Malaysia mempunyai kawasan pesisir pantai yang luas dan agak unik dari segi topografi, iklim mikro, sosioekonomi dan aktiviti penduduk setempat. Kawasan ini secara umumnya mempunyai tanah yang dikategorikan sebagai tanah BRIS (*Beach Ridges Interspersed with Swales*) iaitu tanah endapan pasir laut yang terdapat di kawasan permatang pasir berselang seli dengan paya dan selari dengan pantai. Tanah BRIS ini pula selalunya dikaitkan sebagai kawasan yang agak sukar untuk digunapakai dan dimajukan terutama bagi aktiviti berkaitan dengan bidang pertanian. Ini adalah kerana sifat-sifat fizikal, ciri-ciri kimia dan juga pengaruh iklim pantai tanah tersebut yang menghadkan kegiatan pertanian untuk diusahakan dengan berkesan.

Namun begitu kawasan ini merupakan satu kawasan yang penting dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana ia meliputi kawasan yang agak luas iaitu 155,400 hektar di Semenanjung Malaysia, yang meliputi Terengganu (67,582.61 hektar), Kelantan (17,806.2 hektar) dan Pahang (36,017.17 hektar) serta 40,000 hektar di Sabah. Kebanyakan dari kawasan tersebut merupakan kawasan yang terbiar dan masih belum dibangunkan serta digunapakai sepenuhnya.

Usaha dari pelbagai pihak seperti Jabatan Pertanian, MARDI, KETENGAH, KADA dan institusi-institusi kerajaan tempatan telah dilakukan bagi membangunkan kawasan tersebut bagi meningkatkan pendapatan serta sosioekonomi penduduk setempat. Kebanyakan usaha tersebut tertumpu kepada aktiviti membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS) terutamanya di



*Sayur-sayuran seperti labu merupakan tanaman yang sesuai ditanam di kawasan pesisir pantai.*

negeri-negeri Pantai Timur seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang. Walaupun begitu, kebanyakan aktiviti pertanian yang diusahakan tidak diurus secara berpusat dan majoritinya masih lagi tertumpu kepada pertanian kecil-kecilan yang masih dilakukan secara tradisional.

Aktiviti pertanian di Negeri Terengganu pesisir pantai dapat dilihat di sepanjang pesisir pantai bermula dari Besut (Kampung Tembila), Setiu (Kampung Saujana), Kuala Nerus (Batu Rakit), Kuala Terengganu (Bukit Kor) mengunjur ke Dungun dan Kemaman. Ini termasuklah juga pulau-pulau berdekatan seperti Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Kawasan-kawasan ini berpotensi dimajukan untuk menjadi kawasan yang lebih produktif dan berdaya saing. Melalui sistem pengurusan yang baik serta amalan agronomi yang bersesuaian, potensi untuk mengusahakan tanaman yang menguntungkan di kawasan pesisir pantai terbuka luas. Pembangunan kawasan



*Pokok lada yang ditanam di Taman Pertanian Bukit Kor Marang menunjukkan hasil yang memuaskan melalui pengurusan pertanian yang baik.*

ini dilihat akan dapat membantu masyarakat setempat mendapat faedah melalui penyediaan peluang pekerjaan yang akhirnya akan meningkatkan ekonomi isi rumah masing-masing. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang berfokus kepada maritim dan kelautan boleh memainkan peranan aktif bagi merencanakan aktiviti pertanian pesisiran pantai. Ia boleh dilakukan melalui penglibatan secara



langsung terutamanya di dalam pembangunan kampus kedua UMT di Bukit Kor yang juga merupakan bakal pusat transformasi pertanian moden di Malaysia.

Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) yang telah diamanahkan dan diberi peranan sebagai kumpulan perintis pembangunan di kawasan tersebut sedang merancang dengan teliti aktiviti pembangunan melalui pelan penyelidikan jangka pendek dan juga jangka panjang. Antara aktiviti penyelidikan yang boleh dijalankan serta menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan tersebut dan sekitarnya ialah:

- Program biakbaka bahan tanaman terpilih menggunakan teknologi moden

- Pengurusan sistem pengairan yang teratur dan terancang
- Pembukaan kawasan baru serta kajian kesesuaian tanah dan tanaman
- Kejuruteraan dan automasi pertanian
- Pengenalan tanaman dan spesis tanaman baru yang mengeluarkan hasil tinggi (*Sorghum*, *guayule*)
- Pengurusan ternakan dan akuakultur bersepadu
- Pertanian organik

Pembangunan kampus kedua UMT yang juga merupakan Taman pertanian di Bukit Kor ini adalah sejajar dengan pendekatan dan pembangunan Koridor Pantai Timur (ECER) di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 yang sedang berjalan

dan dilaksanakan dengan rancaknya kini.

Aktiviti pertanian pesisiran pantai yang mempunyai potensi untuk dikembangkan termasuklah:


- **Tanaman Semusim**  
Sayur-sayuran, padi, tembakau, tembikai, tanaman ubi dan jagung
- **Tanaman tahunan/perennial**  
Buah-buahan (belimbing, nangka, gajus, kelapa roselle, limau dan mangga), tanaman komoditi (getah, kelapa sawit, nenas dan kenaf)
- **Haiwan ternakan**  
Lembu/kerbau, kambing/ biri-biri dan akuakultur



Hasil pertanian pesisiran pantai dijual terus oleh petani di gerai-gerai di sepanjang jalan raya di sekitar Kampung Tembila, Besut



Kelapa sawit yang ditanam di kawasan pesisiran pantai dan tanah terbiar (Setiu) jika diberi input pertanian yang sesuai mampu memberikan hasil yang lumayan kepada petani.



Lembu-lembu yang dibiarkan bebas boleh dilihat meragut rumput di sisi jalan dan jika tidak diuruskan dengan baik boleh mengganggu keselamatan pengguna jalan raya.



Haiwan ternakan seperti kambing berkeliaran di tepi pantai merupakan pandangan yang biasa di sepanjang pesisiran pantai. Haiwan ternakan sebegini perlu diurus dengan betul dengan menggunakan sistem pertanian moden bagi memaksimumkan produktiviti.



Taman Pertanian Bukit Kor, Marang yang bakal menjadi kampus kedua UMT akan dibangunkan secara lestari mampu menjadi nukleus perkembangan kawasan sekitar.



Pengusaha hasil laut seperti pengusaha keropok masih menjalankan aktiviti mereka secara tradisional dan kecil-kecilan di sekitar Pantai Rusila.

# Majlis Gerak Mesra Program Kebolehpasaran Graduan IPTA

Kementerian Pengajian Tinggi  
bersama **UMT** dan **UniSZA**



oleh: **Arzura Abdullah** | Pusat Pembangunan Holistik Pelajar  
**Shahrul Jama Othman** | Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko

**B**uat julung-julung kalinya Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YBhg. Datuk Ab. Rahim Md. Noor mengadakan majlis ramah mesra bersama pelajar dan juga staf Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 7 April 2013 yang lalu di Dewan Sultan Mizan, UMT.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UniSZA, YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan, dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili serta pegawai dari Kementerian Pengajian Tinggi.

Majlis bermula dengan pembentangan Status Program Kebolehpasaran Graduan oleh kedua-dua wakil universiti. Pembentangan Status Program Kebolehpasaran Graduan UMT disampaikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Prof. Madya Hj. Zainal



Sesi pembentangan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YBhg. Datuk Ab. Rahim Md. Noor.

Ashirin bin Shahardin, manakala pembentangan dari UniSZA disampaikan oleh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Korporat, Prof. Dr. Kamaruddin M. Said. Majlis disusuli oleh pembentangan *Student Employability: The Role of Student Affairs* oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YBhg. Datuk Ab. Rahim Md. Noor.

Selain Program Kebolehpasaran Graduan, KPT juga mengadakan sesi ramah mesra bersama

Majlis Perwakilan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sekitar Pantai Timur yang dihadiri oleh 13 IPTA. Tidak dilupakan juga sesi ramah mesra YBhg. Datuk KSU bersama staf UMT dan UniSZA pada jam 11.00 pagi dan diakhiri sesi soal jawab bersama YBhg. Datuk KSU.

Pada sebelah petangnya, program diteruskan dengan sesi taklimat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Pengajian Tinggi yang disampaikan sendiri oleh YBhg. Datuk KSU. Taklimat ini bertujuan untuk menjelaskan tentang KPI kementerian dengan lebih spesifik bagi memastikan kesejajaran pencapaian KPI Naib Canselor yang lebih berkesan. UMT dan UniSZA turut mengambil kesempatan dengan membentangkan pencapaian KPI Projek Agenda Kritikal (CAP) masing-masing. Diharapkan program ini dapat memberi impak yang besar kepada Majlis Perwakilan Pelajar dan juga staf terutamanya dalam kebolehpasaran graduan di samping mengeratkan lagi hubungan di antara UMT dan KPT.



# UMT Terima Anugerah Saron Wangsa MAKUM

oleh: **Suriaty Khalid** | Pusat Kebudayaan Dan Kesenian

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) cemerlang apabila terpilih menerima anugerah bagi kategori Anugerah Saron Wangsa MAKUM, satu pengiktirafan yang diberikan kepada universiti yang mempunyai komitmen tinggi dalam menganjurkan sebarang aktiviti dan program aktiviti MAKUM dengan jayanya.

MAKUM ditubuhkan bertujuan untuk menyelaraskan dan menggalakkan aktiviti berbentuk seni, budaya dan kreatif para pelajar di IPTA. Anugerah Seni MAKUM merupakan satu platform untuk memberikan penghargaan kepada pelajar-pelajar IPTA yang sentiasa berusaha untuk memartabatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian di IPTA. Penganjuran ini bukan sahaja memberikan penghargaan, malahan dapat menjadi perangsang kepada pelajar IPTA, memupuk semangat perpaduan kaum, serta dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan semangat perpaduan kaum di kalangan pelajar IPTA di seluruh Malaysia.

Pelaksanaan Anugerah Seni MAKUM merupakan acara tahunan anjuran Sekretariat MAKUM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang paling berprestij dan diadakan pada setiap tahun. Majlis Anugerah Seni MAKUM 2012 ini telah berlangsung dengan jayanya pada tanggal 30 Mac 2013 di Kuching, Sarawak. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Mohd Fadzil Abd Rahman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UNIMAS merangkap Pengerusi Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM). Turut hadir adalah wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Penerangan



*Anugerah Seni MAKUM mampu melahirkan insan-insan yang cintakan seni dan budaya warisan.*

Komunikasi dan Kebudayaan, Pegawai-pegawai MAKUM dan para pelajar dari setiap IPTA.

UMT turut mewarnai majlis anugerah seni ini dengan menghantar wakil pelajar bagi kategori pencalonan Anugerah Bonang Emas iaitu Mohamad Fikri Khair Mohamad Farhan Han bagi kategori lelaki dan Lim Rui Xian bagi kategori wanita. Manakala Kelab Persadartari dicalonkan untuk Anugerah Gambang Mustika MAKUM.

Selain itu, diadakan juga penyampaian hadiah bagi pertandingan Video Dokumentari Budaya dan Warisan 1Malaysia, *Blue Ocean Strategy* yang bertemakan "Senada Seirama, 1Warisan 1Gagasan". Pertandingan ini adalah untuk mencungkil daya inovasi dan kreativiti pelajar IPTA

serta menghargai seni warisan. UMT telah menghantar video dokumentari yang bertajuk "*Batik dan Tembaga, Penyu dan Ukiran Kayu*" untuk dipertandingkan.

Majlis Anugerah Seni ini bukan sahaja memberikan penghargaan kepada aktiviti budaya dan seni, namun pada masa yang sama ia juga menitikberatkan tentang kerjasama berpasukan, cara pemikiran yang kreatif dan inovatif dalam penyampaian sesuatu kebudayaan dan kesenian serta semangat cinta akan budaya yang dimiliki oleh seseorang. Selain itu, majlis anugerah seperti ini dapat mewujudkan masyarakat yang berbudaya, berjiwa seni, kreatif serta dapat membentuk masyarakat yang memahami setiap elemen yang ada dalam kebudayaan dan kesenian.

# Sistem Kenaikan Pangkat Ahli Akademik

## Ditambahbaik

oleh: **Mohd Izham Mohd A. Wahid** | Pusat Pengurusan Bakat Akademik (PPBA)  
**Norizan Ismail**

**P**usat Pengurusan Bakat Akademik (PPBA) merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) baharu yang ditubuhkan untuk membangunkan potensi keserjanaan bakat akademik sebagai sumber utama yang akan membawa kepada kecemerlangan akademik UMT. PPBA berfungsi untuk Memperkasakan Potensi Bakat akademik, melalui usaha-usaha ke arah pembangunan bakat akademik, memperkasakan kepakaran akademik dan mobiliti akademik dalam aspek pengajaran, penyelidikan termasuk pemindahan ilmu. Selain itu, PPBA turut bertanggungjawab untuk membangunkan profesion akademik melalui pelaksanaan aktiviti pemilihan dan pelantikan, penilaian tahunan, kenaikan pangkat, sangkutan dan latihan serta mentorani.

### **Penambahbaikan Sistem Kenaikan Pangkat dan Penilaian Prestasi**

Dalam usaha membina dan membangunkan sumber manusia, penilaian prestasi dan kenaikan pangkat di sesebuah organisasi adalah menjadi suatu alat keperluan yang asas. Melalui sistem penilaian prestasi, sesebuah organisasi itu akan memperoleh maklumat mengenai prestasi seseorang individu dalam pekerjaannya di samping potensinya untuk dinaikkan pangkat untuk menjawat jawatan yang mempunyai tanggungjawab yang lebih tinggi di masa hadapan.

Satu sistem perlu untuk diwujudkan melalui satu cara atau format penilaian prestasi dan kenaikan pangkat yang baik dan menepati kehendak dan objektif organisasi. Kriteria yang perlu ada, semestinya tidak menumpukan kepada kriteria-kriteria yang berkaitan dengan pekerjaan seseorang pekerja sahaja malah aspek luaran lain yang relevan yang boleh menyokong kepada prestasi yang cemerlang dari aspek penilaian yang mantap bagi memastikan proses kenaikan pangkat dapat diberikan keutamaan kepada calon bersesuaian.

### **Aspek Penilaian Prestasi**

Penilaian prestasi memberikan sumbangan yang besar kepada hak dan cara sesuatu organisasi untuk merancang masa depan yang berkaitan dengan faktor-faktor kemanusiaan. Penilaian prestasi yang baik (*H. Patten, 1982*), boleh dilaksanakan dengan berkesan melalui Perancangan Sumber Manusia yang sistematik, kaedah Pengambilan dan Pemilihan yang memenuhi kriteria atau keperluan organisasi dan tidak berlaku lambakan kepakaran dalam bidang yang sama. Selain itu, Pembangunan Sumber Manusia perlu diselaraskan ke arah meningkatkan prestasi dan mengurangkan kelemahan pekerja dan jabatan.

Aspek Perkembangan Kerjaya perlu melihat peluang penerokaan bidang baharu yang diperlukan dan

dari situ, calon yang layak boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke tahap yang sepatutnya selari dengan kepakaran yang mereka ada. Program Berkaitan Ganjaran pula boleh diwujudkan melalui Sistem penilaian prestasi yang baik dan boleh mendorong kakitangan untuk terus berusaha sebaik mungkin atas kepercayaan bahawa semakin baik mereka bekerja, maka semakin tinggi jumlah ganjaran yang akan diperolehi seperti kenaikan pangkat ke gred yang lebih baik.

Menilai Potensi Pekerja pula berlaku melalui sistem penilaian prestasi yang boleh memberi fokus kepada prestasi pekerja di masa hadapan serta perkembangan kerjaya yang berterusan, yang dapat mengenalpasti kakitangan yang berpotensi dan mempunyai harapan untuk meningkat serta mengekalkan prestasi kerjanya di dalam kerja atau jawatan yang baharu.

### **Kriteria Kenaikan Pangkat**

Kenaikan pangkat adalah satu proses peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga atau Jawatankuasa Penilai Kenaikan Pangkat.

Proses kenaikan pangkat adalah berkait dengan penilaian prestasi. Di dalam perkara ini, data-data yang diperolehi daripada penilaian prestasi adalah berguna bagi proses-proses menentukan





pekerja-pekerja yang manakah boleh dinaikkan pangkat, turun pangkat, ditamatkan perkhidmatan atau ditukarkan. Jika data-data ini menunjukkan kepada pihak pengurusan bahawa kebolehan seseorang kakitangan itu melakukan kerja-kerja lain adalah dalam tahap yang sama, maka pekerja tersebut boleh ditukar jika perlu. Ataupun jika data tersebut menunjukkan prestasi yang memuaskan maka ianya berguna untuk proses kenaikan pangkat.

Seseorang pegawai hanya layak dipertimbangkan kenaikan pangkat sekiranya telah memenuhi semua syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.

Mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005 [P.U.(A)176/2005], faktor untuk seseorang pegawai dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- i. Kecekapan dan prestasi kerja pegawai itu;
- ii. Kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai itu;
- iii. Sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai itu;
- iv. Kegiatan luar dan sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat; dan
- v. Aspek lain yang difikirkan relevan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

### **Penganjuran Bengkel Kriteria Kenaikan Pangkat dan Penilaian Prestasi**

Bengkel Penambakan Kriteria Penilaian Prestasi dan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik telah diadakan pada 9 dan 10 April 2013, bertempat Tok Aman Bali Beach Resort, Pasir Puteh. Ia melibatkan penyertaan pelbagai PTj dan telah menerima input sumbangsaran daripada ahli bengkel terutama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, Pengarah Pusat Pengurusan Bakat (PPBA), Dekan - dekan Fakulti, wakil Institut Kecemerlangan, Pejabat Pendaftar, Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ), Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat (PPTM) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

Dengan penganjuran bengkel seumpama ini, hasrat untuk memperolehi input yang bersesuaian dan seterusnya memantapkan lagi sistem penilaian prestasi ahli akademik serta keperluan kenaikan pangkat bagi calon bersesuaian telah dapat diperolehi dengan lebih menyeluruh untuk dilaksanakan dengan berkesan selepas ini.

# Tinjauan Awal Penyelidikan di Teluk Brunei

oleh: **Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman** | Institut Oseanografi dan Sekitaran

Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) telah diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Institut Pengajian Tinggi (HICoE) di Malaysia dalam bidang fokus oseanografi dan sains marin. Pengiktirafan sebagai HICoE merupakan sesuatu yang amat berprestij di mana institut yang diiktiraf akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan yang menjadi rujukan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa, dan secara langsung akan mengharumkan nama universiti itu sendiri.

Penyelidikan berkonsepkan Kemampuan Ekologi Marin telah dipilih sebagai tunjang utama dalam program HICoE tersebut, penyelidikan dan kawasan kajian adalah di Laut China Selatan. INOS telah merancang beberapa siri penyelidikan di perairan tersebut seperti pelayaran di sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Teluk Brunei juga telah dipilih sebagai salah satu kawasan penyelidikan. Teluk Brunei yang mempunyai keluasan 250,000 ha terletak di pantai kepulauan Borneo. Perairan teluk ini dikongsi bersama antara Sarawak, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Negara Brunei Darussalam. Teluk Brunei disempadani oleh kawasan paya bakau, hutan hujan tropika dan bukit bakau di bahagian daratan, terdapat banyak sungai seperti Sungai Brunei, Klias, Padas Damit, Padas dan Lawas yang mengalir ke bahagian teluk ini dan seterusnya



Peta menunjukkan kawasan Teluk Brunei.

ke Laut China Selatan. Teluk ini juga terdapat hidupan marin seperti dugong, ikan lumba-lumba dan penyu.

Namun begitu, terdapat banyak aktiviti antropogenik di teluk ini seperti cari gali minyak dan gas, penerokaan tanah untuk ladang kelapa sawit, perkapalan, pelancongan, perindustrian, kilang kertas dan aktiviti ini dijangka akan semakin bertambah di masa hadapan. Ini sudah tentu akan menyebabkan berlakunya pencemaran di kawasan teluk yang seterusnya mengancam kepelbagaian flora dan fauna. Justeru itu, adalah penting satu kajian dilakukan di Teluk Brunei sebagai kajian *baseline* untuk

rujukan di masa hadapan. Kajian yang akan dilakukan sebahagian besar melibatkan proses persekitaran marin dan spesies marin terancam. Tambahan lagi, melalui pencarian literatur, tidak banyak kajian dilakukan di sana.

Sebelum pensampelan dilakukan di teluk ini, tinjauan awal telah dilakukan oleh staf INOS di kawasan kajian pada 29 Jan-2 Feb 2013. Staf yang terlibat ialah Prof. Madya Aidy @ Mohamed Shawal M Muslim, Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman, Prof. Madya Dr. Saifullah Arifin Jaaman dan En. Subarjo Merehojono. Tujuan utama tinjauan tersebut ialah untuk memilih kawasan pensampelan, melihat keperluan lojistik yang diperlukan



seperti bot, kenderaan dan tempat tinggal. Perbincangan juga telah dilakukan di beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan Labuan, Jabatan Perikanan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah untuk turut sama terlibat dalam projek ini.

INOS berharap agar penyelidikan yang dilakukan di Teluk Brunei akan dapat menyumbang untuk memelihara kemampanan persekitaran ekologi marin dan menjadi salah satu lagi sumbangan kepada masyarakat ilmuwan dan setempat.



*Penyelidik UMT sedang berbincang untuk memilih stesen pensampelan.*



*Perkampungan nelayan di Teluk Brunei.*



*Aktiviti dermaga di Teluk Brunei.*

# Penyelidik UMT bentang modul e-Kehadiran di ICHCILT 2013, Abu Dhabi

oleh: **Dr. Mustafa Man** | Fakulti Sains dan Teknologi

**P**ensyarah di Fakulti Sains dan Teknologi, Dr. Mustafa Man, telah menghadiri *2<sup>nd</sup> International Conference on Human Computer Interaction & Learning Technologies (ICHCILT 2013)* pada 5-6 Mac 2013 yang lalu di Hotel Hala Arjaan, Abu Dhabi, UAE. Beliau membentangkan kertas kerja yang bertajuk *e-Kehadiran: A Web Based Tools for Controlling and Monitoring Student's Absence Misconduct Using Open Source Technology*. Sistem e-Kehadiran sebelum ini juga telah memenangi anugerah pingat Emas sempena Inovasi@UMT 2011, Anugerah pingat Perak sempena Malaysia Technology Expo (MTE) 2012 dan pingat Gangsa di British Invention Show (BIS'12) di London.

## Kandungan Pembentangan

Kertas kerja yang dibentangkan berkaitan dengan permasalahan semasa mengenai kes disiplin pelajar terutamanya kes ponteng sekolah. Menerusi pembentangan ini, Dr. Mustafa telah mengemukakan satu bentuk analisa statistik yang telah dihasilkan menerusi projek pembangunan sistem e-disiplin secara atas talian yang telah sedikit sebanyak membantu proses mengenalpasti taburan/ corak atau *pattern* kes salah laku yang telah dilakukan oleh pelajar bagi kajian di negeri Terengganu.

Menerusi laporan daripada sistem tersebut, telah didapati kes ponteng sekolah merupakan satu kesalahan yang sering dilakukan oleh murid terutamanya dikawasan bandar. Maka, satu kaedah dan cara baru perlu dibangunkan untuk membantu pihak pengurusan di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pejabat Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), pengurusan dan pentadbiran sekolah dan ibubapa



untuk mencegah dan mengawal masalah ponteng daripada terus merebak.

Masalah ini perlu diselesaikan dengan segera terutamanya dari segi mendapatkan maklumat kehadiran semasa pelajar secara "real time" bagi memudahkan pihak pengurusan sekolah, PPD, JPN dan KPM mengenalpastikan tindakan segera yang perlu diambil bagi menyelesaikan dan membendung masalah ini daripada terus merebak. Teknik atau kaedah pembangunan satu sistem rekod dan pemantauan salah laku ponteng ini mampu menyediakan satu aplikasi komputer yang boleh memberikan maklumat kepada semua pihak dengan segera dengan hanya satu *input* oleh guru kelas sahaja, maka maklumat kehadiran bagi setiap murid bagi setiap sekolah untuk setiap daerah, negeri dan Malaysia keseluruhannya diperolehi sebelum jam 10.00 pagi setiap hari bersekolah.

Oleh yang demikian, pembangunan sistem e-kehadiran ini telah berjaya membuktikan maklumat awal mampu membendung masalah disiplin murid dengan berkesan menerusi kajian impak yang telah diperolehi serta kempen cegah salah laku oleh pengurusan sekolah dan NGO terlibat bersama dengan kaunselor sekolah.



## Faedah dan Kebaikan Sistem e-Kehadiran

Isu disiplin sering dibincangkan dikalangan para pendidikan dan persatuan ibu bapa serta 70 organisasi NGO yang terlibat dibawah Jawatankuasa Induk Disiplin Murid, Kementerian Pelajaran Malaysia. Isu salah laku ini bukan sahaja dipandang ringan kerana ia boleh menjejaskan imej sesebuah institusi kekeluargaan, organisasi serta negara dtannya. Sekiranya isu ini tidak ditangani diperingkat awal, maka ia akan terbawa-bawa ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya apabila para pelajar ini memasuki alam universiti.

Pemantauan peringkat awal terutamanya di alam persekolahan membolehkan mereka diajar cara



yang betul dan melalui contoh tauladan yang baik. Disiplin merupakan asas bagi pelajar menjadi seorang manusia yang baik dan berguna kepada masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Kaedah pemantauan yang cepat dan pantas dapat mengelakkan sesuatu masalah atau isu berkaitan dengan disiplin menjadi lebih parah. Maka, maklumat berkaitan seseorang individu pelajar semasa di alam persekolahan mereka haruslah dipantau oleh semua pihak dengan berkesan dan sistematik.

Maklumat salah laku juga dapat disimpan dengan baik dan segala surat-menyurat berkaitan dengan surat amaran, surat makluman kepada ibu bapa, surat ibu bapa kepada pihak sekolah dan statistik salah laku mengikut jantina, kaum, mingguan, bulanan dan peratus kehadiran bagi setiap murid terus diperolehi dan dipantau menerusi sistem yang telah dibangunkan ini. Proses pemantauan dan kawalan tindakan cepat dan secara berterusan beroleh dijalankan.

Selain itu juga, bebanan guru tingkatan atau kelas dapat dikurangkan dengan kemudahan yang telah disediakan menerusi sistem e-kehadiran ini. Para guru tingkatan hanya perlu mencatatkan secara elektronik menggunakan pelayar web dengan hanya mencatatkan maklumat pelajar yang tidak hadir sahaja. Sistem telah menetapkan atau *default* sebagai semua pelajar telah hadir ke sekolah pada hari tersebut.

Menerusi sistem ini, sekiranya didapati para pelajar tidak hadir, maka satu mesej menerusi e-mel akan dihantar terus kepada ibu bapa untuk tindakan dan makluman. Ia amat berkesan bagi memastikan anak-anak mereka betul-betul telah datang atau tidak ke sekolah pada hari tersebut. Sekiranya pelajar berkenaan tidak hadir, maka para ibu atau bapa murid berkenaan bolehlah memuatnaik surat makluman/ sijil sakit/ lain-lain dokumen terus kepada sistem ini ataupun guru kelas terbabit akan *scan* dan *upload*-kan menerusi sistem ini.

Pelbagai lagi kemudahan atau modul yang telah disediakan menerusi sistem e-kehadiran ini.

Ia amat mudah dan berkesan bagi membolehkan semua pihak lebih "Cakna" terhadap anak, anak murid mereka dan pengurusan sekolah dan KPM amnya.

Semoga menerusi sistem ini ia dapat membantu mengurangkan dan memantau tahap salah laku murid terutamanya berkaitan dengan ponteng sekolah. Dengan adanya pemantauan secara atas talian ini, semoga para pelajar yang memasuki universiti adalah seorang yang berdisiplin dan mempunyai akhlak yang baik dan bukan hanya intelektual yang tinggi sahaja.

### **Ilmu pengetahuan dan pengalaman baru**

Menerusi seminar ini, Dr. Mustafa telah memperolehi beberapa konsep atau model baru bagi menilai sesuatu antaramuka sistem yang telah dibangunkan. Hasil pembentangan oleh seorang pensyarah daripada King Saud Universiti, beliau telah menjalankan kajian keperluan bagi menghasilkan satu bentuk sistem yang berdasarkan menu tarikh atau kalendar yang terdapat di dalam satu-satu laman web. Pelbagai kaedah digunakan untuk menentukan jangka masa atau yang dibina oleh pembangun perisian. Kajian antaramuka berkaitan kalendar ini juga agak menarik dan sering kali pengguna kadang-kadang melakukan kesilapan di dalam pemilihan tarikh.

Sebagai contoh, rajah di sebelah menunjukkan kalendar untuk pengguna membuat tempahan tiket kapal terbang. Menerusi kalendar yang diberikan, pengguna kadang-kadang melakukan kesalahan bagi pemilihan tarikh yang sesuai. Beliau telah mencadangkan beberapa kaedah untuk menyelesaikan masalah atau kesilapan semasa membuat pemilihan kalendar ini. Selain itu juga pelbagai format yang digunakan seperti *dd/mm/yy* atau *mm/dd/yy* atau *yy/mm/dd*. Kalendar yang pelbagai dan tidak piawai ini akan menyukarkan pengguna yang terutamanya telah biasa dengan satu format kalendar sahaja.

Seterusnya, pembentang juga telah mendapat satu kaedah

baharu untuk menjalankan proses di dalam pelbagai seksyen (*Multi-Section Processing*). Satu rangka kerja baharu yang dikenali sebagai *OlympusP2P* telah dibina bagi menyelesaikan masalah pemrosesan secara serentak. Proses ini boleh digunakan di dalam pelbagai bidang terutamanya yang memerlukan pemrosesan data yang besar secara serentak. Maklumat yang banyak juga perlu dijalankan perkongsian dengan sumber yang satu, maka *OlympusP2P* ini mampu untuk menyelesaikan masalah ini.

Rangka kerja *OlympusP2P* ini telah dibentangkan oleh Raffaele Di Natale daripada Universiti Degli Studi di Catania, Itali. Rangka kerja ini diuji menerusi pemahaman mengenai pengajaran tatabahasa. Hasilnya, satu kaedah yang baru boleh dijalankan menggunakan rangka kerja *OlympusP2P* bagi pelbagai pengguna yang terdiri daripada pelbagai bangsa boleh mempelajari tatabahasa bangsa lain dengan mudah.

Rangka kerja *OlympusP2P* ini juga boleh dijadikan satu model oleh pembentang/penulis laporan ini sebagai salah satu kaedah untuk menjalankan proses integrasi pelbagai jenis pangkalan data yang berada di pelbagai lokasi secara berselerak/ teragih. Ilmu ini bakal dilaksanakan secara kerjasama dengan beliau.

Selain itu juga, penggunaan teknologi mobil di dalam mempelajari bahasa secara berseorangan telah dibangunkan. Pembentangan oleh Denis Liakin daripada *Department of French Studies, Concordia University, Montreal, Canada* telah memberikan satu impak besar di dalam pembelajaran bahasa Perancis. Mengikut beliau, bahasa Perancis sukar untuk menyebut dengan betul terutamanya yang berkaitan dengan huruf vokal a,e,i,o dan u.

Oleh kerana keperluan kemahiran bahasa Perancis amatlah diperlukan, maka pengajaran di dalam kelas dengan tahap pelajar yang berbeza sukar untuk memberikan penumpuan penuh oleh para guru. Kemahiran berbahasa Perancis ini sering kali di salah ertikan maksudnya. Maka

bagi membolehkan seseorang pelajar tersebut lebih mahir di dalam bahasa Perancis terutamanya bagi sebutan huruf-huruf vokal ini. Satu kaedah berbentuk perisian yang boleh digunakan di dalam Android telah dibangunkan yang dikenali sebagai *Mobile Automatic Speech Recognition Software (ASR)*. Menerusi kaedah ini, para pelajar boleh menjalankan latihan secara individu terutama untuk sebutan-sebutan yang betul.

Dengan adanya teknologi dan perisian seperti ini, pelbagai kaedah untuk belajar bahasa boleh dikembangkan. Penggunaan peranti mobil di dalam persekitaran Android menjadi lebih baik dan memberikan faedah sejagat.

### Konsep Penganjuran ICHCILT 2013

Seminar ini telah disertai oleh beberapa syarikat khasnya seperti Ketua Pegawai Eksekutif syarikat. Ia merupakan satu perkembangan yang baik bukan sahaja di kalangan akademik, malahan telah menarik minat syarikat-syarikat untuk menyertai seminar ini dan berkongsi teknologi yang telah dibangunkan.

Kaedah ini harus dijalankan oleh pihak pengurusan universiti atau penganjur seminar bagi melibatkan juga pihak industri. Perkongsian pengetahuan berkaitan dengan teknologi yang mereka bangunkan juga dapat membantu meningkatkan tahap pengetahuan golongan akademik.

Selain itu juga, ia merupakan satu pentas/ platform untuk seseorang pembentang menerangkan idea asal serta hasil menerusi model tersebut dapat diaplikasikan dengan baik serta mampu menarik minat pihak syarikat mendapatkan khidmat rundingan dan kerjasama universiti-industri dapat dijalinan.

Selain itu juga, penulis kertas kerja boleh menghantar kertas kerja dan sekiranya tidak mempunyai peruntukan atau perbelanjaan untuk membentangkan kertas kerja boleh diterima dan dinilai oleh editor tanpa perlu menghadiri seminar ini. Maka, kaedah ini juga dapat menjimatkan kos pengangkutan dan penginapan oleh para pembentang. Namun,

kemahiran pembentangan dan hubungan baru dengan pihak lain sukar atau tidak akan diperolehi.

Selain itu juga, hasil pembentangan dan kertas kerja ini telah dinilai dan terus diterbitkan ke dalam jurnal iaitu di dalam *International Journal of Information Technology & Computer Science (IJITCS)* – [www.ijitcs.com](http://www.ijitcs.com) (ISSN:2091-1610) yang diterbitkan pada April 2013.

Dr. Mustafa mencadangkan supaya kaedah berikut yang boleh dijadikan satu panduan bagi menganjurkan seminar seperti ini, iaitu:

#### a. Artikel diterima dan tidak perlu menghadiri pembentangan

Pelbagai kertas kerja boleh diterima untuk dimasukkan ke dalam prosiding dan boleh dibenarkan untuk para penulis artikel tersebut untuk tidak hadir ke sesi pembentangan. Kaedah ini telah diaplikasikan oleh pelbagai penganjur seminar dan ia juga dapat menjimatkan kos untuk pengangkutan dan penginapan. Menerusi kaedah ini, bilangan penerbitan artikel di dalam prosiding peringkat antarabangsa dapat ditambah dengan peruntukan untuk menghadiri seminar ditukarkan kepada hanya untuk bayaran dan kos pos prosiding sahaja. Cadangan ini juga dapat membenarkan seseorang penulis untuk menghantar lebih banyak artikel ke dalam prosiding luar negara yang diiktiraf.

#### b. Artikel diterima untuk prosiding dan terus diterbitkan ke dalam jurnal.

Pemilihan untuk menghantar artikel ke persidangan antarabangsa juga boleh melihat kaedah “2 dalam 1” (*2 in 1*), di mana artikel yang dihantar bakal diterbitkan di dalam prosiding dan juga terus diterima untuk diterbitkan ke dalam jurnal. Kaedah ini dapat menjimatkan kos, dengan satu kali bayaran dan satu penulisan artikel terus mendapat dua penerbitan iaitu satu di dalam prosiding dan satu di dalam jurnal. Bagi

kes-kes tertentu, artikel untuk dimasukkan ke dalam jurnal perlulah ada penambahan sekurang-kurangnya 30% yang terbaru selepas diterima untuk diterbitkan di dalam prosiding.

### Keindahan dan Keunikan Abu Dhabi

**Abu Dhabi** (Bahasa Arab:

أبو ظبي, 'Abū Zabi, secara harfiah “Bapa Zabi”) adalah ibu negara Emiriah dengan nama sama, bandar terbesar dari tujuh Emiriah yang terdirinya Emiriah Arab Bersatu (UAE). Ia adalah bandaraya terkaya di dunia dan terletak di utara pusat UAE. Bandaraya ini terletak di sebuah pulau berbentuk “T” mengunjur ke dalam Teluk Parsi dari pantai tengah Barat. Kira-kira 1,000,000 orang tinggal di sana pada 2000, dengan kira-kira 80% penduduknya orang asing. Bandar raya Abu Dhabi terletak di 24.4667° N 54.3667° E.

Pelbagai tempat menarik yang terdapat di Abu Dhabi yang merupakan tarikan pelancongan yang amat unik. Antaranya sebuah masjid yang terbesar di sini iaitu Masjid Sheikh Zahid. Masjid ini amat unik di mana ia boleh bertukar warna mengikut kiraan hari di dalam Islam yang bergantung kepada kecerahan bulan sama ada bulan penuh dan sebaliknya.

Warna masjid akan bertukar mengikut saiz bulan yang dikawal menerusi satu aplikasi komputer yang boleh memancarkan cahaya menerusi lampu pencerahan yang dipasang di sekitaran masjid tersebut. Selain itu juga, masjid ini mampu menampung seramai 40 ribu orang jemaah di dalam satu-satu masa. Masjid ini juga telah mengambil masa selama 10 tahun untuk reka bentuk dan 10 tahun untuk membinanya. Ia merupakan hadiah daripada pemerintahan Sheikh Zahid kepada umat manusia seluruh dunia.



# Kem Si Penyu

dan Program

# Kesedaran Marin

*Tingkatkan kesedaran pulihara haiwan marin*

oleh: **Dr. Juanita Joseph** | SEATRU, Institut Oseanografi dan Sekitaran

**S**EATRU-INOS, Universiti Malaysia Terengganu telah menjalankan dua program di Pulau Redang iaitu Kem Si Penyu dan Program Kesedaran Marin 2013 yang dibiayai oleh Tabung Amanah Penyu, Laguna Redang Island Resort dan The Taaras Beach & Spa Resort. Objektif utama bagi kedua-dua program ini bukan sahaja untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada orang awam serta kanak-kanak di Pulau Redang mengenai kepentingan haiwan dan ekosistem marin kepada manusia, tetapi juga sebagai platform untuk memberi latihan dan pendedahan kepada para pelajar Kursus Biodiversiti dan Pemuliharaan Marin (MMB4300) dalam melaksanakan sesuatu program kesedaran.

## Kem Si Penyu

Kem Si Penyu merupakan program *outreach* yang dijalankan oleh SEATRU-INOS pada setiap tahun semenjak tahun 1996 lagi. Program ini dianjurkan khas untuk pelajar Tahun 5 dari Sekolah Kebangsaan Pulau Redang. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi pendedahan dan memupuk kesedaran mengenai penyu kepada kanak-kanak di Pulau Redang. Pada tahun ini, seramai 39 pelajar Tahun 5 telah mengikuti kem ini. Pelajar telah dibahagi kepada dua kumpulan yang mana kumpulan pertama dibawa ke Chagar Hutang pada 25-26 April 2013, manakala kem kedua pada 2-3 Mei 2013. Fasilitator bagi Kem Si Penyu yang ke-18 ini adalah terdiri daripada 12 orang pelajar Kursus Biodiversiti dan Pemuliharaan Marin dengan dibantu oleh lapan orang sukarelawan penyu.

Melalui kem ini, diharapkan agar kesedaran yang diperolehi oleh



*"Pecinta Penyu" yang diharapkan dapat meneruskan usaha pemuliharaan penyu di masa hadapan.*



*Semua aktiviti dijalankan secara informal dan interaktif supaya pembelajaran mudah difahami dan diingati oleh para peserta kem.*

murid-murid yang datang dari pulau itu sendiri, akan diterjemahkan kepada semangat cintakan alam semula jadi dan azam untuk membantu memulihara penyu. Pemilihan pelajar sekolah rendah sebagai golongan sasaran untuk kem ini adalah berpatutan kerana kanak-kanak muda hari ini akan menjadi pemimpin pada masa hadapan dan merekalah yang akan bertanggungjawab untuk usaha pemuliharaan di kemudian nanti. Pelbagai aktiviti menarik dan interaktif telah dijalankan semasa kem ini iaitu seperti melihat penyu bertelur, menganalisa sarang penyu yang telah menetas, permainan pantai beracun, permainan gerak penyu, kuiz dan banyak lagi. Semua aktiviti dijalankan secara informal supaya pembelajaran mudah difahami dan diserap oleh para peserta kem.

Aktiviti kemuncak adalah di mana, peserta dikehendaki untuk menandatangani Aku Janji untuk tidak memakan telur penyu. Pada penghujung kem, semua peserta telah diberikan sijil penyertaan dan dianugerah gelaran 'Pencinta Penyu'.

### Program Kesedaran Marin 2013

Program ini telah dijalankan di Laguna Redang Island Resort selama 2 hari 1 malam selama 3 minggu berturut-turut bermula dari 26 hingga 27 April, 3 hingga 4 Mei dan 10 hingga 11 Mei 2013. Program ini merupakan program yang julung kalinya pernah dianjurkan di resort ini dan ia telah dijayakan oleh 18 orang pelajar Kursus Biodiversiti dan Pemuliharaan Marin (MMB4300). Program ini mendapat tajaan sepenuhnya daripada Laguna Redang Island Resort.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran para pelancong dan staf resort mengenai pemuliharaan penyu dan haiwan marin terancam yang lain seperti mamalia marin, kuda laut dan terumbu karang. Program ini juga menekankan masalah pembuangan sampah dan pencemaran laut



*Pertandingan mewarna untuk kanak-kanak turut di adakan.*



*Pelepasan anak penyu antara aktiviti menarik yang turut disertai oleh pelancong asing.*

yang mana ia boleh mengancam hidupan haiwan marin. Bertemakan *Ocean's Dark Secret*, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan untuk orang dewasa dan kanak-kanak seperti ceramah kesedaran kepentingan biodiversiti marin, melepaskan anak penyu ke laut, menandatangani petisyen supaya jangan memakan telur penyu, kuiz dan pertandingan mewarna.

Penganjuran program seperti ini adalah sejajar dengan objektif penubuhan SEATRU-INOS, yang

mana SEATRU bukan sahaja menjalankan pemuliharaan dan penyelidikan mengenai penyu tetapi juga bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terutamanya komuniti di Pulau Redang mengenai pemuliharaan penyu dan kepentingan biodiversiti marin yang lain. Diharap dengan adanya program seperti ini, orang ramai akan lebih faham dan akan menyokong usaha-usaha pemuliharaan biodiversiti marin di Malaysia.



# Program Sinar ECER - UMT

## bimbing Peserta Agropolitan

oleh : **Roshahrul Affenddeey Mahadi** | Pusat Jaringan Penyelidikan ECER

**P**rojek Agropolitan merupakan program berimpak tinggi yang dijangka mampu mengubah ekonomi kira-kira 100 peserta golongan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di kawasan Besut-Setiu apabila dimajukan kelak. Kerajaan Negeri Terengganu melalui Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) akan mengusahakan ternakan kambing baka *Boer* dengan peruntukan RM50 juta di Kampung Panchur Bederu, Setiu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani Negeri Terengganu, Tn. Haji Ashaari Idris, berkata objektif utama projek ini adalah untuk menyeimbangkan antara pembangunan desa dan bandar, meningkatkan pendapatan serta kesejahteraan masyarakat luar bandar. Melalui ternakan kambing ini, ia dijangka mampu mengeluarkan golongan PPRT daripada kelompok kemiskinan kerana memperoleh pendapatan

antara RM800.00 hingga RM1,000.00 sebulan kepada setiap peserta. Menurut beliau lagi, konsep yang bakal dijalankan cukup unik di mana setiap peserta yang dipilih mengikut program ini bakal diberi rumah. Sekiranya mereka berjaya mengikut syarat dikehendaki Kerajaan Negeri iaitu berdisiplin dan menjaga kambing dengan sempurna, rumah itu akan menjadi hak milik.

Majlis penyerahan kunci rumah kepada peserta Agropolitan Besut-Setiu telah diadakan pada 15 April 2013 yang lalu dalam Program Mesra Rakyat bersama peserta Agropolitan Besut-Setiu. Majlis tersebut berlangsung di Dewan Agropolitan Besut-Setiu. Peserta turut diberi penerangan berkenaan program dan projek di kawasan yang akan didiami oleh peserta tidak lama lagi. Seramai 48 orang peserta telah menerima nombor rumah yang telah diagihkan secara

cabutan undian. Turut hadir dalam program tersebut ialah Pengarah Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu, YBhg. Dato' Mat Razali Kassim, Pegawai Daerah Setiu, En. Ishamudin Hashim dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Program Besut-Setiu Agropolitan ini, UMT memainkan peranan besar dalam meningkatkan pembentukan sendiri peserta melalui program motivasi dan pembangunan diri untuk peserta dan isi rumah yang dikenali sebagai Program Sinar ECER. Modul Program yang diperkenalkan oleh Prof. Madya Dr. Fadzli Adam ini bakal menjadi kandungan penting kepada kejayaan projek Agropolitan ini. Selain itu juga, pembangunan akademik anak-anak peserta juga tidak terkecuali dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu dan taraf pendidikan anak-anak peserta yang terlibat dalam projek Agropolitan ini.



YB ADUN Langkap, Tn. Haji Ashaari Idris berucap semasa Program Mesra Rakyat bersama peserta Agropolitan Besut - Setiu

# Pameran Penerbitan Ilmiah UMT 2013

oleh: **Mohd Shahrulnizam Zuraimi** | Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
**Harisom Anida Musa**

**B**agi menyuburkan matlamat 'Terengganu Negeri Anjung Ilmu', pihak Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ) dengan kerjasama Penerbit UMT telah menganjurkan Pameran Penerbitan Ilmiah bermula 24 hingga 28 Februari 2013 di Dewan Sultan Mizan, UMT. Program ini bertujuan menyediakan platform kepada pelajar UMT untuk menggunakan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) sejajar dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Belanjawan 2013 yang telah dibentangkan di samping menyemarakkan budaya membaca di kalangan warga kampus dan masyarakat setempat.

Program selama lima hari ini telah diserikan dengan Majlis Penyerahan Baucar Buku 1Malaysia dan Perasmian Pameran Penerbitan Ilmiah oleh YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, mantan Menteri Belia dan Sukan. Beliau telah diiringi oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, Pengarah PPDSNZ, Prof. Dr. Md. Yazid Mohd. Saman, Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor dan Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Prof. Madya Hj. Zainal Ashirin Shahardin.

Menurut YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, beliau berbangga dengan usaha UMT dalam memastikan penggunaan baucar secara maksimum dan menyeru kepada para pelajar agar bijak memilih bahan bacaan yang bersesuaian serta mengandungi isi yang penting dan berkualiti.

Di majlis tersebut, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek telah menyampaikan replika Baucar Buku 1Malaysia kepada wakil pelajar UMT dari setiap fakulti dan menyempurnakan simbolik perasmian pameran tersebut. Majlis di teruskan lagi dengan sesi dialog bersama pelajar UMT yang telah menerima sambutan yang amat



*YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek menyampaikan ucapan beliau semasa majlis perasmian.*

menggalakkan dari pelajar-pelajar yang hadir di Dewan Sultan Mizan.

Pameran ini telah disertai oleh 25 orang pempamer yang terdiri dari Penerbit-penerbit Universiti dan pembekal-pembekal buku terkemuka di Malaysia dengan menyediakan bahan bacaan yang berkualiti, menarik dan bersesuaian untuk pengunjung dalam pelbagai genre seperti novel, bisnes, motivasi, agama, masakan dan lain-lain. Pameran ini menerima sambutan yang sangat baik di kalangan warga pelajar, warga kampus, masyarakat setempat serta para pelajar sekolah yang telah dijemput bagi memupuk budaya membaca.

Pelbagai aktiviti sampingan telah diadakan bagi memeriahkan program ini seperti kuiz permainan singkat, program bersama novelis dan selebriti, forum penerbitan ilmiah bagi para pensyarah, sesi pengucapan awam bagi pelajar UMT, serta program motivasi Jom Masuk UMT yang telah menerima



*YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek meluangkan masa melawat booth pameran.*



penyertaan hampir 200 orang pelajar sekolah sekitar Kuala Terengganu.

Secara keseluruhannya, program Pameran Penerbitan Ilmiah yang telah dilaksanakan ini membuka satu lembaran baharu dalam memartabatkan ilmu pengetahuan serta memupuk budaya “Rekreasi Ilmu” di negeri Terengganu khususnya dan berjaya melahirkan pelajar universiti yang berpengetahuan tinggi dalam merealisasikan aspirasi negara.



Wakil pelajar gembira menerima replika Baucar Buku 1Malaysia (BB1M).

## PPDSNZ Anjur Kesedaran Isu Pencerobohan Lahad Datu

oleh: **Mohd Shahrulnizam Zuraimi** | Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
**Harisom Anida Musa**

**P**encerobohan di Lahad Datu telah meninggalkan kesan mendalam kepada semua rakyat Malaysia. Bagi mengenang kembali peristiwa tersebut, Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ) telah mengambil inisiatif menganjurkan Pameran Pencerobohan Lahad Datu bermula 17 hingga 30 April 2013.

Bertempat di ruang pameran PPDSNZ, pelbagai maklumat berkenaan pencerobohan di Lahad Datu telah dipamerkan untuk tatapan para pengunjung. Antaranya adalah keratan akhbar-akhbar utama dan gambar-gambar peristiwa Lahad Datu, informasi tentang “Deeds of Sabah 1878” serta analisis dokumen berkaitan, poster sejarah ringkas mengenai negeri Sabah dan Sandakan serta poster-poster mengenai kronologi pencerobohan di Lahad Datu

Selain pameran poster, tayangan video berkaitan pencerobohan tersebut serta kenyataan-kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak keselamatan turut disediakan bagi memberi maklumat umum kepada pengunjung mengenai peristiwa pencerobohan yang telah mula berlaku sejak Februari 2013. Bagi melahirkan rasa simpati terhadap pejuang-pejuang negara yang terkorban dalam insiden

tersebut serta tanda sokongan kepada negara Malaysia, satu sudut tandatangan sokongan dari pengunjung telah disediakan. Sudut ini telah menerima sambutan positif dan ramai pengunjung telah menurunkan tandatangan mereka sebagai simbolik kecintaan kepada negara Malaysia.

Pameran ini yang telah diuruskan oleh Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan Maklumat, PPDSNZ bertujuan memupuk kesedaran dan tanggungjawab kepada komuniti setempat mengenai peri-pentingnya dalam mendalami sejarah serta mengetahui tanggungjawab yang perlu digalas dalam

mempertahankan tanah air tercinta. Pihak PPDSNZ berharap agar maklumat yang telah dipamerkan ini, sedikit sebanyak memberikan pendedahan kepada pengunjung mengenai isu-isu nasional yang hangat diperbualkan samada di media cetak atau elektronik.



Poster yang memaparkan pejuang tanah air yang terkorban di Lahad Datu.



Pengunjung melahirkan tanda sokongan dengan menandatangani poster yang telah disediakan.

# Keterancaman Orang Asli laut Suku Orang Seletar

oleh: **Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail** | Fakulti Pembangunan Sosial

**K**esempatan ini, penulis ingin kongsi sebuah nota lapangan kajian ketika penulis melaksanakan sebuah kajian berkenaan keterancaman yang dihadapi oleh Orang Asli suku Orang Seletar di kampung Bakar Batu, Johor Bahru, Johor. Orang Seletar merupakan Orang Asli dari kumpulan Melayu Proto dan mereka hanya boleh ditemui di negeri Johor sahaja. Orang Seletar amat peramah dan mudah untuk didekati. Sepanjang penulis berada di kampung mereka, penulis ditemani oleh beberapa Orang Seletar yang

tidak bosan menceritakan tentang kisah hidup mereka. Istimewanya Orang Seletar, mereka mempunyai hubungan langsung dengan keluarga DiRaja Johor. Justeru, masyarakat lain di sekeliling mereka agak berhati-hati ketika berinteraksi dan cuba mengelak dari menimbulkan masalah dengan mereka. Dari sudut kepercayaan tradisionalnya pula, Orang Seletar meletakkan penghormatan yang tinggi kepada 'roh' nenek moyang serta menghormati kuasa halus yang dipercayai menguasai laut. Namun, kini amalan-amalan

tersebut semakin kurang dipercayai kerana kebanyakan dari mereka telah memeluk agama Islam, Buddha dan Kristian.

Mereka turut dikenali sebagai Orang Laut kerana mereka hidup bergantung dan menetap di dalam perahu besar. Dahulunya, Orang Seletar mengamalkan cara hidup nomad atau berpindah-randah dengan perahu di kawasan laut. Perahu tersebut mempunyai kepanjangan 22 kaki dan lebar 6 kaki. Pada awal tahun 1970-an, Orang Seletar mula hidup menetap dan membina perkampungan di atas darat.



*Orang Asli Laut Suku Orang Seletar cukup ramah dengan tetamu yang hadir di perkampungan mereka.*



Pada peringkat awalnya, kesemua Orang Seletar tinggal dalam sebuah perkampungan yang sama. Lama-kelamaan perkampungan tersebut menjadi semakin mengecil kerana sebilangan besar Orang Seletar berpindah ke tempat baru disebabkan oleh tiga peristiwa. Peristiwa tersebut ialah penularan penyakit berjangkit, konflik tanah dan masalah ilmu hitam. Pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an, perkampungan asal Orang Seletar telah diserang oleh pelbagai penyakit misteri. Antaranya ialah penyakit kulit yang mengakibatkan ramai Orang Seletar meninggal dunia.

Selain itu, wujud juga perebutan tanah antara Orang Seletar. Ia menyebabkan hubungan antara penduduk menjadi bertambah renggang. Penduduk kampung juga pernah menjadi mangsa ilmu hitam yang mengakibatkan beberapa penduduk kampung meninggal dunia. Ilmu hitam bukanlah satu perkara asing pada suatu ketika dahulu, malah Orang Seletar menggunakannya ke atas individu yang tidak disukai. Rentetan dari masalah-masalah tersebut, sebahagian penduduk kampung telah berpindah ke kampung baru. Walau bagaimanapun, kegiatan harian Orang Seletar masih tetap tertumpu pada kegiatan menangkap dan memungut hasil laut.

### **Aktiviti ekonomi dan dilema pembangunan**

Aktiviti ekonomi utama Orang Seletar ialah mengumpulkan hasil laut seperti ikan, ketam, lala, kepah dan sebagainya. Sekiranya terdapat lebih hasil laut yang mereka peroleh, mereka memilih untuk membuangnya. Mereka tidak memprosesnya untuk menjadi produk lain, sama ada keropok ataupun produk yang lain. Ini kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan berkenaan. Orang Seletar menjalankan aktiviti laut bersama ahli keluarga yang melibatkan golongan wanita dan kanak-kanak. Orang Seletar mempunyai kaedah yang tersendiri dalam mengajar anak-anak

*Orang Asli Laut Suku Orang Seletar yang baru pulang daripada aktiviti menangkap ikan di laut.*





*Perkampungan laut Orang Asli Laut Suku Orang Seletar.*

mereka untuk berenang, iaitu melalui peniruan dari ibu bapa dan mempraktikkannya dengan rakan-rakan. Ibu bapa Orang Seletar menunjukkan terlebih dahulu kemahiran berenang dan kemudiannya diikuti oleh anak-anak. Sekiranya anak-anak telah matang dan mampu untuk berdikari, anak-anak akan dibiarkan mempraktikkan kemahiran tersebut bersendirian atau bersama-sama rakan-rakan mereka. Menjadi perkara mengaibkan sekiranya anak-anak Orang Seletar tidak pandai berenang dan akan menjadi bahan ejekan rakan-rakan sebaya.

Sebelum ini, Orang Seletar turut terlibat dengan aktiviti memburu haiwan di atas darat. Mereka menggunakan lembing dalam aktiviti pemburuan dan tidak menggunakan sumpit sebagaimana Orang Asli Darat. Namun kini, aktiviti tersebut amat jarang diamalkan kerana kebanyakan hutan di sekeliling mereka telah digunakan untuk aktiviti pembangunan.

Memandangkan kawasan

berhampiran perkampungan Orang Seletar telah dibangunkan dengan pelbagai projek mega, ia mendesak Orang Seletar untuk mengubah hidup mereka. Namun, mereka dihipit dengan dilema sama ada mahu meneruskan kehidupan tradisi ataupun menerima perubahan dengan menyertai aktiviti ekonomi yang lain. Sekiranya mereka memilih untuk meneruskan aktiviti tradisional mereka, mereka terpaksa berhadapan dengan masalah laut yang tercemar dan hasil laut yang semakin berkurangan. Aktiviti pembangunan yang berhampiran telah menyebabkan berlakunya pencemaran laut. Selain itu, aktiviti pembangunan turut menyebabkan sungai dan laut yang berhampiran menjadi semakin cetek. Ini mengurangkan sumber laut di sekelilingnya. Justeru, untuk memperoleh hasil laut yang lebih baik, mereka perlu meneroka kawasan lain. Sungguhpun demikian, mereka menghadapi masalah lain pula, iaitu terpaksa bersaing dengan nelayan lain sama

ada dari kalangan Orang Seletar dari perkampungan lain ataupun nelayan Melayu. Malangnya ia sering kali menimbulkan konflik antara mereka.

Sekiranya mereka memilih untuk menyertai aktiviti ekonomi baru, mereka terpaksa menimbang aspek pendidikan dan nilai tradisional mereka. Kebanyakan Orang Seletar tidak pernah menamatkan pengajian peringkat rendah, apatah lagi pendidikan di peringkat menengah atau tinggi. Oleh itu, sekiranya mereka memohon pekerjaan luar dari kampung mereka, mereka hanya memperoleh pekerjaan yang memberi pendapatan yang rendah. Masalah yang lain turut timbul, iaitu mereka tidak dapat meneruskan pekerjaan yang mempunyai rutin tetap, seperti perlu bekerja pada tempoh-tempoh tertentu. Secara tradisionalnya, rutin aktiviti pencarian hasil laut Orang Seletar adalah mengikut pasang-surut air laut. Oleh itu, sukar bagi mereka untuk bekerja dalam pekerjaan yang mempunyai rutin khusus.



# Penerbit UMT

## sertai PBAKL 2013

oleh: **Mohamad Nuraidil Zakaria** | Penerbit UMT

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2013 sekali lagi berlangsung dengan jayanya buat kali yang ke-32 dan Penerbit UMT seperti tahun sebelum ini tidak melepaskan peluang untuk menyertai pesta buku yang ulung di Malaysia sebagai pempamer.

Penyertaan Penerbit UMT adalah di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang bertindak sebagai satu organisasi yang menganjurkan PBAKL bersama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). PBAKL pada kali ini disertai oleh 233 syarikat pempamer dengan 802 gerai. 192 pempamer terdiri dari syarikat tempatan dan 41 pempamer dari luar negara dengan Arab Saudi sebagai pempamer khas.

Penglibatan Penerbit UMT disertai 18 Penerbit IPTA yang lain dengan penyertaan sulung dari Penerbit UMK dan Penerbit UniSZA dan ini merencanakan proses pameran dan jualan di gerai MAPIM. Selain dari itu, pihak penganjur juga telah mengadakan pameran *Kuala Lumpur Trade & Copyright Centre* iaitu satu medium untuk memperdagangkan hak cipta bagi penerbitan kepada wakil-wakil penerbit dari luar negara. Penganjur telah menyediakan 51 Meja Padanan Perniagaan untuk 265 pempamer dan Penerbit UMT juga menyertai acara ini dengan menghantar lima naskhah terpilih untuk diperdagangkan.

PBAKL 2013 ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Datuk Mohamad Zabidi Zainal pada 27 April 2013.

MAPIM telah mengambil peluang semasa berlangsungnya PBAKL ini untuk mengadakan Majlis Anugerah MAPIM 2012 pada 30 April 2013 di Putrajaya Ballroom I, Hotel Marriot Putrajaya. Pada kali ini, MAPIM telah membuka empat kategori utama untuk semua



ahli MAPIM mempertandingkan hasil penerbitan masing-masing. Kategori tersebut adalah Buku Terbaik, Makalah Jurnal Terbaik, Editor Naskhah Terbaik dan Buku Terbaik Penerbit Bukan MAPIM.

Kategori Buku Terbaik bagi bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial telah dimenangi oleh Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan buku yang bertajuk *Yusuf Al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*, manakala Kategori Buku Terbaik (Hadiah Penghargaan) bagi bidang Sains, Teknologi dan Perubatan telah diberi kepada Penerbit Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan buku bertajuk *Laminated Veneer Lumber from Malaysian Tropical Timber : Manufacturing and Design*.

Kategori Makalah Jurnal Terbaik bagi bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial telah diraih oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) dengan makalah *The Founding Father of Korean Democracy Beyond the Ideological Controversy : Tosan's Political Philosophy of the Humane Democracy and its Moral Foundation* yang diterbitkan dalam

*Jurnal Kemanusiaan : The Asian Journal of Humanities Vol.19, No.1*, manakala bidang Sains, Teknologi dan Perubatan telah dimenangi oleh Penerbit Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk makalah yang bertajuk *Artificial Fish Swarm Optimization for Multilayer Network Learning in Classification Problems* yang diterbitkan dalam *Journal of Information and Communication Technology*.

Kategori Editor Naskhah Terbaik (Hadiah Penghargaan) bagi bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial telah dianugerahkan kepada Puan Rosziana Radli dari Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) melalui buku yang diselenggara oleh beliau yang bertajuk *Architecture and Heritage Buildings in George Town Penang*.

Kategori Buku Terbaik Penerbit Bukan MAPIM bagi bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial telah diberi kepada Encik Zulkifli Hassan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah menerbitkan buku beliau yang bertajuk *Shahriah Governance in Islamic Banks* dengan Edinburgh University Press.

# Kelab Kebudayaan Baratham

## Berbakti di Sek. Keb. (Tamil) Jasin

oleh: **Suriaty Khalid** | Pusat Kebudayaan dan Kesenian

**P**rogram Bakti Siswa merupakan program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Kelab Kebudayaan Baratham (KKB), Universiti Malaysia Terengganu untuk membimbing para pelajar dalam membentuk jati diri, memupuk nilai-nilai murni, dan meningkatkan tahap kecemerlangan serta melahirkan nilai insaniah dalam diri setiap pelajar tersebut.

Tahun 2013, Program Bakti Siswa telah diadakan pada 9 sehingga 10 Mac 2013 bertempat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Jasin, Melaka. Program anjuran Kelab Kebudayaan Baratham melibatkan 54 orang ahli Kelab Kebudayaan Baratham sebagai fasilitator dan seramai 81 orang pelajar sekolah tersebut sebagai peserta sepanjang program ini diadakan.

Para peserta dibahagikan kepada tujuh kumpulan dan setiap kumpulan akan dibantu oleh tiga orang fasilitator. Antara pengisian aktiviti program ini adalah seperti *Ice-Breaking*, Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan *Explorace*.

Aktiviti LDK I pada hari pertama, para pelajar didedahkan dengan aktiviti cara penyampaian mesej yang berkesan terutamanya memberi tumpuan semasa sesuatu mesej disampaikan selain membantu para pelajar dalam membuat persediaan awal sebelum menempuh sesuatu perkara dan bersedia dengan segala peluang atau cabaran dari dalam mahupun luar.

Aktiviti *Explorace* dijalankan pada waktu petang di mana setiap kumpulan diberikan tugas masing-masing dan mereka perlu mencari *checkpoint* seterusnya bagi mendapatkan tugas yang berikut. Semua *checkpoint* berada di dalam kawasan sekolah dan lokasi yang biasa dikunjungi oleh para pelajar sekolah tersebut. Setiap tugas



Majlis Perasmian Penutup pada 10 Mac 2013 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' R. Subramaniam wakil MIC Jasin (empat dari kiri).



Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Jasin, Melaka destinasi Program Bakti Siswa Kelab Kebudayaan Baratham.

yang diberikan oleh fasilitator adalah berbentuk akademik dan menguji minda. Para pelajar juga didedahkan dengan cara untuk berfikir secara kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah.

Pada hari kedua, program dimulakan dengan LDK II iaitu; "Kerjaya Masa Hadapan" di mana para pelajar diberi peluang untuk meluahkan segala harapan dan impian pada masa hadapan rakan mereka. Pelajar diberi ruang dan peluang untuk melakarkan segala harapan mereka dalam sehelai kertas dalam slot ini. Slot ini lebih bercirikan tentang masa hadapan para pelajar dan usaha yang dilakukan oleh mereka dalam mengecapi impian mereka. Penghayatan terhadap pengorbanan

ibu bapa juga diterapkan dalam slot ini memungkinkan pelajar untuk sedar akan segala kesilapan yang dilakukan oleh mereka selama ini.

Program diakhiri dengan Majlis Perasmian Penutup pada 10 Mac 2013 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' R. Subramaniam wakil MIC Jasin. Turut hadir ialah Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, En. Pathmanathan, Penasihat Kelab Kebudayaan Baratham, Puan Suriaty dan Pengerusi PIBG SJK (T) Jasin, En. R. Rave. Turut hadir sama, Timbalan Pengerusi PIBG SJK(T) Jasin, En. AK. Kumar, Guru Penolong Kanan I, Puan T. Vijaya dan wakil guru SJK (T) Jasin, En. Ganasen.



# Aplikasi Emel ZIMBRA (MAILBOX)



oleh : **Mohd Nor Azlan Ruyob @ Ayub** | Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat

Zimbra merupakan aplikasi emel dan juga aplikasi *groupware* yang dibangunkan Zimbra Inc, USA. Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat (PPTM) telah memperkenalkan kepada warga UMT berkaitan aplikasi ini melalui siri taklimat secara *hands on training* bagi merealisasikan penggunaan ICT yang lebih komprehensif dalam melaksanakan tugas seharian sebagai penjawat awam.

Antara kelebihan yang ada pada aplikasi Zimbra yang dapat membantu tugas seharian warga Universiti ialah :

- **Klien Emel**

Zimbra merupakan satu aplikasi *groupware* dimana aplikasi klien emel disatukan dengan aplikasi lain terutamanya aplikasi yang berbentuk *office automation*. Klien





emel Zimbra mempunyai web 2.0 *features* di mana penggunaannya lebih interaktif berbanding klien emel lain. Penyusunan ikon dan paparannya tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan klien emel lama dan pengguna sepatutnya tidak mempunyai masalah untuk mengendalikannya.

- **File Sharing**

Perkongsian fail merupakan salah satu modul yang dimasukkan dalam aplikasi Zimbra. Ia merupakan satu keperluan terutamanya dalam persekitaran universiti di mana sesetengah fail perlu dikongsi untuk tujuan penambahbaikan dan rujukan. Modul ini juga membolehkan pengguna menyimpan fail untuk simpanan peribadi dan pengguna boleh membuat capaian pada fail ini dimana sahaja mereka berada asalkan mempunyai sambungan ke internet.

- **Address Book**

Modul *address book* digunakan untuk menyimpan alamat-alamat kenalan pada satu pengkalan data

peribadi masing-masing. Pengguna boleh menyimpan alamat kenalan masing-masing dan juga boleh menggunakan alamat kenalan melalui data kenalan UMT yang telah diintegrasikan dengan pelayan LDAP. Pengguna juga boleh mengkategorikan alamat kenalan secara berkumpulan (*grouping*) bagi memudahkan pengguna menghantar emel kepada satu alamat yang mewakili beberapa alamat kenalan. Pengguna juga boleh menetapkan alamat kenalan bagi mengakses fail yang dikongsi pada modul *file sharing*.

- **Task**

Modul *task* merupakan modul yang digunakan bagi memantau tugas yang akan dilakukan oleh pengguna. Ianya mempunyai status tugas dan juga peringatan tugas yang belum diselesaikan. Modul ini akan membantu pengguna dalam melancarkan operasi harian mereka terutamanya para pensyarah di UMT.

- **Appointment**

Modul *appointment* kebiasaannya digunakan bagi pemberitahuan sesuatu perjumpaan atau mesyuarat yang akan diadakan. Perjumpaan atau mesyuarat boleh diatur dengan hanya meletakkan tarikh, lokasi dan alamat kenalan pada ruangan *attendees* dan selepas di poskan, semua *attendees* akan dimaklumkan secara automatik dan akan dimasukkan kedalam kalendar masing-masing. Dengan cara ini pengguna boleh menerima undangan jemputan atau mesyuarat melalui emel beserta dengan peringatan tarikh mesyuarat.

- **Kalendar**

Sepertimana klien emel terdahulu, modul kalendar dimasukkan bagi memberi kemudahan kepada pengguna dan pada aplikasi Zimbra ini, kalendar juga bertindak sebagai *reminder* bagi sesuatu *event* dan pengguna akan dimaklumkan sekiranya terdapat pertindihan pada waktu dan tarikh yang sama.



## Renungan

Allah SWT menyebut hakikat kejadian manusia dalam surah al-Maarij ayat 19-21 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut), apabila ditimpa kesusahan, ia menjadi resah gelisah, dan apabila beroleh kesenangan, ia sangat bakhil lagi kedekut”*

Penawar bagi kelemahan ini ialah bersikap sederhana semua aspek kehidupan. Bersabar semasa susah dan bersyukur di waktu senang.

Tanda seseorang yang bersabar ialah tidak mengeluh dengan musibah yang menimpa dan tanda kesyukuran ialah berkongsi nikmat Allah SWT sesama insan walau hanya dengan sekuntum senyuman. Ketahuilah sebaik-baik sifat ialah bersederhana dalam semua tindakan.

Ustaz Kasyfullah Abd. Kadir



### Aras Kognitif Soalan : Menjana Kualiti Soalan


Pengarang : Noor Rohana Mansor

ISBN : 978-967-0524-13-9

Tahun : 2013

Sinopsis :

Negara mendepani landskap globalisasi pendidikan yang menuntut keperluan bagi menyediakan, membentuk dan menghasilkan aset modal insan yang berkualiti tinggi. Ekoran daripada ini, institusi pendidikan negara menerusi perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan sewajarnya melaksanakan anjakan dan resolusi pendidikan ke arah pemantapan dan pemerkasaan pembangunan modal insan secara bersepadu, seimbang dan holistik dari sudut kualiti intelektual dan keterampilan insaniah. Nyatanya, keperluan ini telah dijelmakan menerusi transformasi pendidikan negara terkini dalam konteks pengajaran dan pembelajaran yang berpaksikan pendekatan berasaskan hasil dengan fokus pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar. Implimentasi ini mensasarkan matlamat ke arah memantapkan dan memperkasakan nilai-nilai kemahiran insaniah sebagai jaminan untuk produk modal insan yang berkualiti tinggi.



### Mud Crab Culture System and Practice in Malaysia

Editor : Mohd Ikhwannuddin, Azmie Ghazali, Mohd Ikhwan Zakariah & Abol Munafi Ambok Bolong

ISBN : 978-967-0524-15-3

Year : 2013

Synopsis :

*Mud Crab aquaculture has been conducted for the past 100 years in China and 30 years throughout Asia, but has not reached even its optimum potential. In Malaysia, Mud Crab fisheries are confined to the estuaries and coastal areas, which support mangrove swamp development. Where, the local coastal fishers of Malaysia used to exploit the mud crab for their own consumption. First commercial mud crab culture operations in Malaysia were started in 1991 where mud crab farming is concentrated within mangrove forest area. This book is hopefully provides general knowledge in mud crab culture systems and practices in Malaysia especially to aquaculture entrepreneurs. At the same time, it hopefully can attract interest from local farmers and entrepreneurs to involve in the mud crab farming.*



### Atlas of Foraminifera from Selected Malaysian Mangrove Sites

Editor : Abdul Rahman Abdul Razak and Mohd Lokman Husain

ISBN : 978-967-0524-12-2

Year : 2013

Synopsis :

*Foraminifera are unicellular microfauna that prefer to live in the marine environment; from deep oceanic water to shallow marginal marine habitats like the mangroves and salt marshes. Foraminifera are characteristically different from amoebae; they can produce single or multi chambered shells. These shells are made up of calcium carbonate (CaCO<sub>3</sub>) or sediment particles.*



### Pengenalan kepada Reka Bentuk dan Sistem Akuakultur di Malaysia

Pengarang : Alzam Zainal Abidin

ISBN : 978-967-0524-10-8

Tahun : 2013

Sinopsis :

Industri akuakultur di Malaysia semakin berkembang pesat selaras dengan usaha Kementerian Industri Asas Tani yang mewujudkan pelbagai akta dan program untuk membantu dan menggalakkan lagi pembangunan industri ini. Orang ramai kini sedar bahawa bidang akuakultur sememangnya menjanjikan hasil yang lumayan kerana permintaan kepada sumber protein daripada ikan semakin meningkat saban hari. Tambahan pula, hasil tangkapan ikan di habitat semula jadi semakin berkurangan dan tidak lagi mampu untuk menampung permintaan pengguna di dalam dan luar negara. Mereka yang berminat menceburi bidang ini perlu mempunyai kemampuan dari segi modal, pengetahuan dan mengetahui strategi untuk menguasai pasaran.